**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**SELASA 24 MEI 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFI MOBILISASI PEGAWAI KE NEGERI SEGERAKAN PERMOHONAN SUBSIDI, BH -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | BEKALAN AYAM: KERAJAAN NS TIDAK CAMPUR URUSAN MAFI, UM -ONLINE | |
| 3. | KABINET ARAH HENTI EKSPORT AYAM, BH -ONLINE | |
| 4. | ISU BEKALAN AYAM: KABINET SETUJU JAGUNG, PKC JADI ALTERNATIF MAKANAN AYAM - ISMAIL SABRI, ASTRO AWANI -ONLINE | |
| 5. | BEKALAN MAKANAN TERKAWAL DI SEBALIK RUNGUTAN MASYARAKAT, HM -ONLINE | |
| 6. | 'JANGAN AMBIL KESEMPATAN KAWAL BEKALAN AYAM', SH -ONLINE | |
| 7. | 'JAGUNG, HAMPAS ISIRUNG ALTERNATIF MAKANAN AYAM' -ISMAIL SABRI, SH -ONLINE | |
| 8. | HENTI EKSPORT AYAM, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 9. | TIADA KOMPROMI, KERAJAAN BERTINDAK, MUKA DEPAN, SH -1 | |
| 10. | 77% SETUJU BOIKOT BELI AYAM, MUKA DEPAN, SH -1 | |
| 11. | HENTI EKSPORT AYAM, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -2 | |
| 12. | JAGUNG HAMPAS ISIRUNG JADI ALTERNATIF MAKANAN AYAM, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -2 | |
| 13. | BOIKOT BELI AYAM SELAMA DUA MINGGU, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -3 | |
| 14. | PEMAIN INDUSTRI JANGAN AMBIL KESEMPATAN - MAFI, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -3 | |
| 15. | EKSPORT AYAM DIHENTIKAN, MUKA DEPAN, UM -1 & 3 | |
| 16. | KABINET PUTUS 5 LANGKAH JANGKA PENDEK ATASI ISU BEKALAN, HARGA AYAM, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 17. | EKSPORT AYAM DIHENTI MULAI 1 JUN, NASIONAL, BH -2 | |
| 18. | ARAH TANAH TOL DIUSAHAKAN TANAMAN JAGUNG, NASIONAL, BH -2 | |
| 19. | LINDUNGI PENTERNAK, PETANI MIKRO SUSULAN MANSUH AP MAKANAN, MUKA SEPULUH, BH -10 | |
| 20. | RAMPASAN CEROBOH RM1.5j, LOKAL, HM -18 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 21. | NELAYAN VIETNAM CEROBOH, CURI HASIL LAUT DITAHAN, NASIONAL, BH -21 | |
| 22. | LIMA JUTA AYAM SEBULAN - NAFAS, DALAM NEGERI, UM -4 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 23. | HUJAN, OMBAK BESAR PUNCA BEKALAN IKAN BERKURANGAN, NASIONAL, BH -3 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 24. | INFLASI MAKANAN DIJANGKA DALAM ALIRAN MENINGKAT - MIDF, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -3 | LAIN-LAIN |
| 25. | TANGGUH, KURANGKAN SEMENTARA BELI AYAM, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -4 | |
| 26. | SELESAIKAN MASALAH PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -4 | |
| 27. | TANAMAN JAGUNG BIJIRIN PERLU SKALA BESAR, DALAM NEGERI, UM -4 | |
| 28. | ROMBAK PIHAK BUAT PEMANTAUAN HALAL JAKIM, DALAM NEGERI, UM -5 | |
| 29. | PENIAGA UTAMAKAN PEMBELI TETAP, RAKAN, NASIONAL, BH -3 | |
| 30. | SYOR SEDIA TAPAK TANAH SKALA BESAR TANAMAN BIJIRIN, NASIONAL, BH -4 | |
| 31. | PENIAGA TERPAKSA NAIKKAN HARGA MENU BERASAS AYAM, NASIONAL, BH -4 | |
| 32. | TIDAK PERLU IMPORT BERAS JIKA TANAM PADI LIMA KALI, HM -ONLINE | |
| 33. | SEGERA TANGANI BEKALAN AYAM, KOS SARA HIDUP - DAP, UM -ONLINE | |
| 34. | RINGGIT KEKAL RM4.38 BERBANDING AS, BH -ONLINE | |
| 35. | MANSUH AP BAKAL 'BUNUH' PETANI TEMPATAN - SALAHUDDIN, UM -ONLINE | |
| 36. | 121 KOMPAUN DIKELUAR KEPADA PENIAGA AYAM, NEGARA, KOSMO -7 | |
| 37. | SEMOGA AYAM TIDAK HILANG LAGI, SUARA SINAR, SH -16 | |
| 38. | HARGA MAKANAN TERUS NAIK, NASIONAL, BH -8 | |
| 39. | SEDIA HADAPI INFLASI MAKANAN, BISNES, HM -20 | |
| 40. | BERATUR 30 MINIT DEMI SEEKOR AYAM, DALAM NEGERI, UM -32 | |
| 41. | PENIAGA KEDAI MAKAN SIMPAN STOK AYAM HADAPI KRISIS, DALAM NEGERI, UM -32 | |
| 42. | KENAIKAN HARGA MAKANAN SEHINGGA RM1, MUKA DEPAN, HM -1 | |
| 43. | PEMAIN INDUSTRI USAH 'MAIN' HARGA TAMBAH BEBAN RAKYAT, LOKAL, HM -2 | |
| 44. | GUNA 'KABEL' BUAT TEMPAHAN, LOKAL, HM -2 | |
| 45. | BEKALAN BAHAN MAKANAN MENCUKUPI, LOKAL, HM -2 | |
| 46. | DAKWA ADA TERNAKAN SAKIT DI LADANG, LOKAL, HM -3 | |
| 47. | STOK IKAN, AYAM DI PASAR BASAH TERHAD, LOKAL, HM -3 | |

| | | |
|---|---|---|
| 48. | HARGA MAKANAN NAIK RM1, LOKAL, HM -3 | |
| 49. | RUMAH TERBUKA FAKTOR AYAM HABIS, LOKAL, HM -3 | |
| 50. | JAMIN TERUS PEMBEKALAN, LOKAL, HM -4 | |
| 51. | KERAJAAN DIMINTA BERI PERHATIAN SERIUS, LOKAL, HM -4 | |
| 52. | BANTU PENTERNAK KEMBANGKAN INDUSTRI, LOKAL, HM -4 | |
| 53. | PAGI KE PEJABAT, PETANG BERTANI, GAYA TANI, UM -21 | |
| 54. | WAKTU PETANG JADI TEMPAT BERIADAH, GAYA TANI, UM -22 | |
| 55. | POULTRY FARMERS URGE GOVT TO SUBSIDISE CHICKEN FEED, NATION, THE STAR -8 | |
| 56. | CAN GOVT ACTION TIP THE SCALES AGAINST PRICE RISES?, MUKA DEPAN, NST -1 | |
| 57. | CEREAL KILLERS, NEWS, NST -2 | |
| 58. | CHICKEN SUPPLY CRUNCH WORSENS, NEWS, NST -2 | |
| 59. | GOVT TO ACT AGAINST CHICKEN CARTELS, NEWS, NST -3 | |
| 60. | POULTRY INDUSTRY WARNED OVER SUPPLY, NEWS, NST -3 | |
| 61. | FOOD SECURITY POSER, MUKA DEPAN, THE SUN -1 | |
| 62. | 'REWEAVE STRONGER FOOD SECURITY SAFETY NET', NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | |
| 63. | CHICKEN EXPORTS BANNED FOR NOW, NATION, THE STAR -2 | |

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# MAFI mobilisasi pegawai ke negeri segerakan permohonan subsidi



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mempermudahkan prosedur permohonan bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam.

Menurut kenyataan dikeluarkan kementerian itu malam ini, tindakan juga sedang diambil dengan mobilisasi lebih ramai pegawai ke peringkat negeri bagi menyegerakan semakan permohonan.

"MAFI mengambil maklum semua isu dibangkitkan termasuk peningkatan kos pengeluaran ayam, masalah kenaikan berat badan ayam, jangkitan penyakit, keadaan cuaca, proses Kebenaran Merancang (KM) dan sebagainya yang antara lain menjejaskan operasi, seterusnya memberikan kesan kepada bekalan ayam.

"Isu berkaitan pemberian subsidi ayam melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kepada penternak juga dibincangkan.

"DVS akan terus mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam bagi merancakkan aktiviti pengeluar makanan ke arah meningkatkan pengeluaran domestik," kata kenyataan itu.

Katanya, kerajaan sudah menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 per kilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta menerusi Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu.

Subsidi itu diberikan kerajaan untuk meringankan beban kos pengeluar ayam yang kian meningkat.

"Bagaimanapun, hanya RM50 juta subsidi dibayar setakat ini. Semua penternak yang memenuhi syarat diminta kemukakan permohonan supaya tuntutan dapat disalurkan dalam tempoh dijanjikan," katanya.

Mengenai libat urus antara Menteri MAFI, Datuk Seri De Ronald Kiandee bersama 12 pemain industri berkenaan, pihak industri menyatakan komitmen dan jaminan bahawa ladang mereka akan terus membekalkan ayam untuk keperluan pasaran tempatan.

MAFI akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan pihak industri yang memainkan peranan penting serta terbabit langsung dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran kekal terjamin.

Pada masa sama, kerajaan juga tidak berkompromi, sebaliknya tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau sabotaj terhadap bekalan ayam di pasaran yang dapat menjejaskan kehidupan rakyat.

"MAFI sentiasa memandang serius sebarang perkara mengancam sekuriti makanan negara dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Bekalan ayam: Kerajaan NS tidak campur urusan MAFI



AMINUDDIN HARUN

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan tidak akan campur tangan dalam isu kekurangan bekalan ayam yang dihadapi para pengguna termasuk di negeri ini.

Sebaliknya, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pihaknya menyerahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menentukan bekalan ayam mencukupi ke seluruh negara.

Katanya, kerajaan negeri juga tidak bercadang mengambil langkah jangka pendek seperti menggunakan tanah terbiar sebagai lokasi membina ladang ternakan ayam bagi mengatasi masalah berkenaan.

“Kami tidak mahu panjangkan isu ini. Kerajaan negeri tidak payah kacaulah. Kita ada menteri (Pertanian dan Industri Makanan) yang dilantik.

“Jika ayam jadi isu maka selesaikanlah. Jika ada isu import (ayam) selesaikanlah,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah projek Rumah Mampu Milik Taman Kirby dekat Labu di sini hari ini.

Sementara itu, menurut Aminuddin, MAFI mempunyai peruntukan yang banyak bagi merancang dan menyusun tindakan bagi mengelak bekalan menjadi isu kepada orang awam.

Jelasnya, kerajaan negeri  banyak membantu kerajaan Pusat dalam pelbagai projek berkaitan penyediaan bekalan makanan kepada rakyat.

“Contohnya, projek ternakan lembu National Feedlot Corporation (NFC) di Gemas melibatkan kawasan seluas lebih 1,500 hektar.

“Pengusaha telah diberikan peruntukan lebih RM200 juta tapi hasilnya entah ke mana. Sepatutnya projek ini telah menghasilkan lembu yang banyak,” katanya.

Aminuddin berkata, sehingga kini, kerajaan negeri masih menanggung masalah akibat daripada kegagalan projek tersebut. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Kabinet arah henti eksport ayam



Mesyuarat Kabinet hari ini yang diawalkan daripada Rabu membincangkan mengenai isu harga dan bekalan ayam.

PUTRAJAYA: Pemberhentian eksport 3.6 juta ayam sebulan bermula 1 Jun ini adalah antara lima pendekatan segera jangka pendek diumumkan kerajaan hari ini, dalam usaha mengatasi isu kekurangan bekalan bahan makanan itu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan terbabit diputuskan mesyuarat Kabinet hari ini yang akan berkuat kuasa hingga harga dan pengeluaran ayam tempatan, kembali stabil dengan memberi keutamaan untuk memenuhi keperluan rakyat negara ini.

**Lima langkah atasi isu harga, bekalan ayam**

i. Menghentikan eksport ayam 3.6 juta ekor sebulan bermula 1 Jun ini hingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil (Keutamaan Kerajaan adalah Rakyat sendiri)

ii. Mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi

iii. Memansuhkan Approved Permit (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam bertujuan meningkatkan peluang pembabitan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan

iv. Mempermudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam

v. Menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam

Ismail Sabri berkata, selain menghentikan eksport ayam terbabit, kerajaan juga akan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi kerajaan yang lain.

"Kerajaan mengambil berat dan memandang serius terhadap isu peningkatan harga dan bekalan ayam semasa yang menghimpit seluruh Keluarga Malaysia.

"Kerajaan kesal dan kecewa terhadap tindakan beberapa syarikat yang menghentikan bekalan ayam sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan harga dan kekurangan bekalan di pasaran," katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Mesyuarat Kabinet yang lazimnya diadakan pada Rabu setiap minggu, dipercepatkan kepada hari ini, bagi membincangkan isu membabitkan kos sara hidup yang dijangka meningkat.



Mesyuarat Kabinet hari ini yang diawalkan daripada Rabu membincangkan mengenai isu harga dan bekalan ayam.

Ketika mesyuarat hari ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diarah mengemukakan pelan mengatasi isu ayam, peningkatan harga barang dan kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, pemansuhan permit import (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan berkuat kuasa minggu lalu, bertujuan meningkatkan peluang pembabitan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

"Kerajaan juga akan menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam.

"Selain itu, proses tuntutan subsidi oleh pengeluar juga akan dipermudahkan. Bagaimanapun, kerajaan dapati hanya RM50 juta subsidi sudah dibayar kepada penternak, yang kebanyakannya adalah syarikat kecil," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mendapati beberapa syarikat besar pengeluar ayam pula tidak berminat memohon subsidi disediakan itu, sebaliknya mahukan kerajaan membiarkan harga ayam ditentukan sendiri oleh pasaran.

"Ketika ini, kerajaan menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 sekilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta mengikut Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu," katanya.

Ismail Sabri berkata, Peguam Negara juga dipanggil menghadiri mesyuarat semalam juga menasihatkan Kabinet menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) terhadap sebarang aktiviti menyorok, menyimpan atau unsur-unsur sabotaj terhadap bekalan ayam.



Pemberhentian eksport 3.6 juta ayam sebulan bermula 1 Jun ini adalah antara lima pendekatan segera jangka pendek diumumkan kerajaan hari ini.

Katanya, tindakan boleh diambil mengikut akta berkenaan dan lesen mereka yang terbabit dengan perbuatan itu juga boleh dibatalkan serta merta.

"Kerajaan meminta MAFI dan KPNDHEP melakukan pemantauan dan pemeriksaan serta mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan (Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974).

"Mengikut akta itu, penalti bagi individu adalah denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali, manakala perbadanan dan syarikat boleh didenda sehingga RM2 juta," katanya.

Isu kekurangan bekalan ayam meruncing pada hujung minggu lalu apabila ada syarikat pengeluar ayam bertindak tidak mengeluarkan ayam ke pasaran menyebabkan kekurangan bekalan ketika umat Islam masih lagi merayakan Aidilfitri sepanjang Syawal.

BH sebelum ini melaporkan, sesetengah peniaga ayam di Pasar Borong Selangor di sini, mengambil inisiatif mencari dan membeli ternakan itu daripada penduduk kampung untuk jualan pada Sabtu lalu, manakala ada juga terpaksa menutup perniagaan disebabkan kekurangan bekalan.

Pengusaha industri mendakwa, penternakan ayam seluruh negara menghadapi tumbesaran ternakan akibat cuaca kering kerana lambat mencapai berat matang yang sesuai untuk dipasarkan.

Masalah itu dijadikan alasan beberapa syarikat pengeluar menghentikan operasi pengeluaran, sekali gus bekalan dijangka terjejas sekurang-kurangnya untuk tempoh sebulan lagi.

Selain itu, Kabinet meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) untuk penanaman jagung, bagi jangka masa panjang.

Ismail Sabri berkata, keputusan itu berdasarkan pandangan Jemaah Menteri berkaitan penanaman jagung, untuk menjadi alternatif kepada makanan ayam.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diminta membentangkan pelan-pelan terbabit dalam masa terdekat, bagi projek penanaman jagung dan sebagainya.

"Kerajaan turut menggalakkan GLC, agensi kerajaan, pertubuhan peladang, dan koperasi untuk turut terlibat dalam penternakan ayam," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji bantuan kepada mereka yang terbabit dalam industri itu, sebagai sebahagian pelan jangka sederhana dan jangka panjang oleh MAFI dan KPDNHEP.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Isu bekalan ayam: Kabinet setuju jagung, PKC jadi alternatif makanan ayam - Ismail Sabri



*Kabinet bersetuju untuk meminta kerjasama Kerajaan Negeri, agensi kerajaan, dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi jangka masa panjang. - Gambar fail*

**PUTRAJAYA:** Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menjadikan penanaman jagung dan hampas isirung kelapa sawit (PKC), sebagai alternatif kepada makanan ayam, untuk langkah panjang mengawal isu harga dan bekalan bahan tersebut.

Dalam satu kenyataan hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kabinet bersetuju untuk meminta kerjasama Kerajaan Negeri, agensi kerajaan, dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi jangka masa panjang.

Selain itu beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), akan membentangkan pelan-pelan tersebut dalam masa terdekat bagi projek penanaman jagung, PKC, dan sebagainya.

"Kerajaan turut menggalakkan GLC, agensi Kerajaan, Pertubuhan Peladang, dan Koperasi untuk turut terlibat dalam penternakan ayam. Kerajaan akan mengkaji dari segi bantuan kepada mereka yang terlibat.

"Ini merupakan sebahagian pelan Jangka Sederhana dan Jangka Panjang yang akan dirangka oleh MAFI dan KPDNHEP," katanya lagi.

**BACA:** Kerajaan henti eksport ayam, wujudkan stok penimbal - Ismail Sabri

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, Peguam Negara telah menasihatkan Kabinet untuk mengguna pakai di bawah Penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) jika terdapat sebarang aktiviti menyorok, menyimpan atau unsur-unsur sabotaj terhadap bekalan ayam.

Beliau berkata, tindakan boleh diambil di bawah Akta tersebut dan lesen mereka juga boleh dibatalkan serta merta.

Kerajaan juga, kata Ismail Sabri, telah meminta MAFI dan KPDNHEP melakukan pemantauan dan pemeriksaan serta mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan (PeraturanPeraturan Kawalan Bekalan 1974 ).

Berdasarkan akta berkenaan, individu yang bersalah boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun (atau kedua-dua sekali), manakala perbadanan/syarikat boleh didenda tidak melebihi RM2 juta.

Dalam kenyataan berkenaan, Perdana Menteri turut mengumumkan pemansuhan AP untuk gandum.

"Semua kementerian juga diminta menyenaraikan AP bagi barangan lain yang boleh dimansuhkan untuk menjaga kepentingan pengguna Keluarga Malaysia.

"Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menjejaskan kehidupan rakyat," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata, beliau memohon agar Keluarga Malaysia menyokong tindakan Kerajaan demi menjaga kepentingan rakyat, yang terhimpit dengan peningkatan harga dan kos sara hidup, serta kekurangan bekalan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Bekalan makanan terkawal di sebalik rungutan masyarakat



Lee Ting Han (dua daru kiri) beramah mesra bersama pelabur pada Sesi Mesra Pelabur di sebuah hotel dekat Senai, hari ini. FOTO IZZ LAILY HUSSEIN/FOTO

Kulai: Meskipun timbul rungutan dan aduan berhubung bekalan makanan di pasaran negeri ini terutamanya ayam berkurangan, bekalan bahan makanan itu dilaporkan masih di tahap mencukupi dan terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han berkata, tidak dinafikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri menerima aduan berhubung kekurangan bekalan makanan terutamanya di kawasan luar bandar memandangkan permintaan tinggi sepanjang musim perayaan.

Katanya, sehubungan itu pemantauan secara harian dilakukan kira-kira 200 pegawai dan anggota KPDNHEP di seluruh negeri untuk memastikan isu kekurangan bekalan tidak berlanjutan.

"Setakat ini, KPDNHEP masih membuat pemantauan dengan 200 pemeriksa ditugaskan secara harian dan setakat ini bekalan di pasaran dikira mencukupi.

"Kita ada terima aduan di sesetengah tempat terutamanya di kawasan luar bandar menghadapi sedikit masalah dari segi bekalan sebab permintaan berkali ganda sempena musim perayaan," katanya ketika sidang media selepas menghadiri majlis Sesi Mesra Pelabur di sebuah hotel dekat Senai, hari ini.

Ting Han berkata, tindakan kerajaan negeri akan dibuat bergantung kepada keputusan mesyuarat khas kabinet yang membincangkan penyelesaian jangka masa pendek kepada pemasalahan kekurangan keperluan bekalan makanan.

Katanya, di peringkat kerajaan negeri, kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan dilakukan sebagai jalan penyelesaian jangka masa panjang selain meneruskan pelbagai program jaminan makanan dalam usaha menambah bekalan makanan di negeri ini.

"Bagi pihak kerajaan negeri kita memang ada program-program untuk menambah bekalan di negeri Johor.

"Kerajaan akan membantu dari segi insentif, polisi untuk petani dan peladang supaya kita dapat meningkatkan bekalan sebagai satu penyelesaian jangka masa panjang," katanya.

Pada masa sama katanya, kerajaan negeri akan meneruskan usaha penganjuran Jualan Makmur Johor dengan memberi subsidi dan membantu meringankan bebanan rakyat.

Dalam perkembangan berkaitan, KPDNHEP Johor dalam satu kenyataan berkata, sejak tempoh penguatkuasaan Penentuan Harga Maksimum (PHM) bagi ayam dan telur yang bermula 5 Februari lalu, sebanyak 4,487 pemeriksaan dilakukan membabitkan 4,321 di peringkat peruncit dan 166 di peringkat pemborong dan pengeluar.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, daripada jumlah pemeriksaan itu, sebanyak 121 kes direkodkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM101,300.

"Sehingga hari ini, semua 33 aduan orang ramai yang diterima oleh KPDNHEP Johor berkaitan kenaikan harga serta bekalan ayam telah selesai disiasat dan diambil tindakan kes di bawah AKHAP 2011.

"Tindakan itu termasuk atas kesalahan menjual melebihi harga kawalan yang ditetapkan, tidak meletakkan tanda harga kepada barangan yang dipamer untuk jualan serta gagal menggunakan tanda harga khas berwarna merah jambu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 'Jangan ambil kesempatan kawal bekalan ayam'



Nik Muhammad Zawawi

KUALA TERENGGANU - Kerajaan memberi peringatan kepada pemain industri penternakan ayam supaya tidak mengambil kesempatan mengawal bekalan dan mencatur harga ayam hingga menjejaskan stok bahan mentah itu dalam pasaran kerana ia memberi kesan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, bekalan ayam dalam negara adalah mencukupi untuk menampung permintaan pengguna namun 'ada sesuatu tidak kena' apabila berlaku masalah kekurangan bekalan protein itu sejak kebelakangan ini.

"Saya tidak nafikan ada masalah ayam berpenyakit dan itu saya boleh terima kerana ia perkara biasa. Tapi kalau ada permainan tidak sepatutnya semata-mata untuk mencari keuntungan mudah, itu tidak sepatutnya berlaku," katanya selepas hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu di Chendering, di sini pada Isnin.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kini sedang meneliti pelan penyelesaian masalah ini bagi memastikan bekalan ayam mencukupi dengan harga tidak membebankan.



Nik Muhammad Zawawi (berdiri, tengah) bermesra dengan tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri LKIM Terengganu di sini pada Isnin.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengambil pendekatan sepatutnya antaranya adalah penghapusan Permit Kelulusan atau Approved Permit (AP) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini bagi mewujudkan persaingan.

"Masalah ayam ini makan masa juga untuk selesai, perbincangan sudah dibuat tapi saya tidak boleh sebut tempoh masanya, kalau tak jadi waktu itu jadi bohong pula, saya harap rakyat dapat sabar," katanya.

Nik Muhammad Zawawi turut berharap agar pemain dalam industri ayam di negara ini dapat bersama-sama kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat.

"Contoh, katakan sebelum ini untung untuk seekor ayam ialah RM2, dalam situasi rumit begini apa salahnya mereka ambil untung RM1 namun konsisten untuk ternak ayam secara berpanjangan dan jangan ada percaturan harga.

"Sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan drastik untuk mengimbangi semula keperluan ayam dalam negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 'Jagung, hampas isirung alternatif makanan ayam' - Ismail Sabri



Ismail Sabri - Foto Bernama

SHAH ALAM - Penanaman jagung dan hampas isirung kelapa sawit (PKC) akan menjadi alternatif kepada makanan ayam di negara ini.

Ia selepas mesyuarat kabinet menerima beberapa pandangan daripada ahli Jemaah Menteri mengenai perkara terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat juga bersetuju meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi jangka masa panjang.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diminta membentangkan pelan-pelan tersebut dalam masa terdekat bagi projek penanaman jagung, PKC dan sebagainya," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Zulkifli Idrus pada Mac lalu mencadangkan agar Malaysia menggunakan PKC yang diproses sebagai makanan ayam untuk menggantikan karbohidrat dalam kacang soya dan jagung.

Zulkifli dilaporkan berkata, UPM sudah memperoleh geran di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjalankan beberapa eksperimen bagi mengurangkan kandungan serat dalam PKC supaya sesuai untuk dijadikan makanan ayam.

Pada April, kerajaan Selangor pula dilaporkan akan memulakan projek penanaman jagung khusus untuk makanan ayam selepas Hari Raya Aidilfitri bagi mengatasi isu kenaikan harga makanan ternakan itu.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim berkata, projek tanaman tersebut dijalankan atas tanah seluas 400 ekar di Negeri Sembilan manakala 300 ekar lagi di negeri ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Kurang buruh punca industri sawit rugi RM21 bilion

**KUALA LUMPUR** – Kekurangan tenaga buruh dalam kalangan pekerja asing menyebabkan sektor perladangan sawit kerugian RM21 bilion pada tahun lalu dan dianggarkan meningkat kepada RM28 bilion tahun ini.

Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Datuk Abdul Latif Abu Seman berkata, beberapa isu telah dikenal pasti untuk menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing menerusi campur tangan jangka pendek dan panjang yang berkesan.

Sehubungan itu, beliau berkata, campur tangan segera daripada pihak berkaitan diperlukan bagi mempercepatkan langkah membawa masuk 32,000 pekerja asing dari Indonesia.

Katanya, proses pengambilan pekerja perlu disegerakan, manakala penyelarasan dalam proses pengambilan pekerja asing juga perlu beralih kepada platform digitalisasi sepenuhnya.

"Kerajaan dan pemilik ladang perlu berganding bahu meneruskan pembiayaan program kemahiran semula dan peningkatan kemahiran bagi pekerja tempatan.

"Pembangunan dan pemerkasaan modal insan pekerja tempatan perlu diberi penekanan penuh. Pemberian subsidi untuk program pendidikan yang betul mengenai ladang kelapa sawit juga perlu diberi keutamaan," katanya dalam satu kenyataan.

Pada masa kini, kira-kira 80 hingga 90 peratus pekerja ladang kelapa sawit di Malaysia adalah terdiri daripada pekerja asing terutama Indonesia.

Kekurangan pekerja menjangkau sehingga 75,000 orang yang melakukan tugas penuaian buah kelapa sawit adalah disebabkan sekatan sempadan ekoran pandemik Covid-19.

Abdul Latif berkata, program yang diperkenalkan oleh kerajaan perlu dibentuk dan diperkasakan ke arah pemikiran, persepsi serta pemahaman yang baik terhadap sektor kelapa sawit.



**KEKURANGAN buruh di ladang kelapa sawit mengakibatkan industri itu kerugian RM21 bilion tahun lalu.** – GAMBAR HIASAN



**KERAJAAN menghentikan eksport ayam kerana mengutamakan bekalan untuk rakyat.** – GAMBAR HIASAN

## Kerajaan utamakan bekalan untuk rakyat

# Henti eksport ayam

**Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

**PETALING JAYA** – Kerajaan mengarahkan supaya menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan bermula 1 Jun ini bagi mengatasi kekurangan bekalan ayam ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri **Ismail Sabri Yaakob** berkata, langkah itu diambil sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dan keutamaan bekalan ini ketika ini hanya untuk rakyat.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan juga akan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi di bawahnya.

"Kerajaan turut bersetuju memansuhkan permit import (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam bertujuan meningkatkan peluang penglibatan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

> "Kerajaan akan memperkenalkan semula Jihad Memerangi Orang Tengah yang telah saya perkenalkan pada tahun 2014."

"Pada masa sama, kerajaan akan mempermudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam serta menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar terdapat laporan bahawa wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar.

Katanya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat perkara ini dan siasatan dijangka selesai pada bulan Jun ini.

"Jika didapati wujud kesepakatan kartel tersebut, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka," ujarnya.

Pada masa yang sama, kerajaan akan mengurangkan peranan orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga.

"Kerajaan akan memperkenalkan semula Jihad memerangi orang tengah yang telah saya perkenalkan pada tahun 2014.

"Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diberikan peranan untuk mengetuai Jihad Memerangi Orang Tengah ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

SELASA | 24 MEI 2022 | 23 SYAWAL 1443H | BIL: 5600 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian RM1.50



PRU15: Dr Dzulkefly mahu calon muda ganti dirinya di Kuala Selangor

7



Pakar jangka suhu negara cecah 40 darjah Celsius Julai ini

12

## 77% SETUJU BOIKOT BELI AYAM

MAJORITI pelayar Instagram *Sinar Harian* dalam satu tinjauan pendapat pada Isnin menyatakan kesediaan untuk memboikot membeli ayam susulan tindakan syarikat-syarikat penternak ayam menutup ladang mereka dipercayai bagi menaikkan harga sehingga menjejaskan bekalan ayam segar.

3

**Eksport 3.6 juta ekor ayam dihenti, dakwaan wujud kartel disiasat**

# TIADA KOMPROMI, KERAJAAN BERTINDAK

- Mesyuarat kabinet pada Isnin memutuskan Malaysia akan menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan bermula 1 Jun ini sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil.
- Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada masa sama kerajaan akan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensinya.
- Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga katanya sedang menyiasat laporan wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar dan akan mengambil tindakan sebaik sahaja siasatan selesai pada bulan Jun ini.
- Kerajaan juga akan mengurangkan peranan orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga.



MUKA 2 & 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | KRISIS BEKALAN AYAM | 2 |

# Henti eksport ayam

## Langkah serta-merta tangani isu harga dan bekalan ayam

**PUTRAJAYA**

Malaysia menghentikan pengeksportan 3.6 juta ekor ayam sebulan berkuat kuasa 1 Jun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, larangan itu dibuat sehingga harga dan pengeluaran ayam di dalam negara kembali stabil.

"Mesyuarat kabinet turut bersetuju untuk mengambil pendekatan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensinya," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, pemansuhan permit kelulusan (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam baru-baru ini adalah bertujuan meningkatkan peluang penglibatan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

"Sebagai langkah jangka pendek, mesyuarat menetapkan untuk mempermudah proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam, selain menambah dan mengiktiraf loji sembelihan ayam di luar negara," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan kesal terhadap tindakan beberapa syarikat yang menghentikan bekalan ayam sehingga menyebabkan berlaku peningkatan harga dan kekurangan bekalan.

Ujarnya, harga siling ayam standard pada ketika ini adalah RM8.90 sekilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksana sejak 5 Februari lalu.

"Bagaimanapun, kerajaan mendapati beberapa syarikat besar yang tidak berminat untuk memohon subsidi dan mahukan harga ayam ditentukan sendiri oleh pasaran," katanya.

Menurutnya, setakat ini, hanya RM50 juta subsidi telah dibayar kepada penternak yang kebanyakannya adalah syarikat kecil.

Mengenai laporan wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar, Ismail Sabri berkata, tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit akan diambil sekiranya ia benar berlaku.

"Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat perkara ini dan siasatan dijangka selesai pada bulan Jun ini. Jika didapati wujud kepakatan kartel tersebut, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka," katanya.

Tambah Ismail Sabri, peranan dan penglibatan orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga juga akan dikurangkan.

"Kerajaan akan memperkenal semula jihad memerangi orang tengah yang telah saya perkenalkan pada tahun 2014 dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diberikan peranan untuk mengetuainya," ujarnya.

Menurutnya, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan, Pertubuhan Peladang dan koperasi digesa turut terlibat dalam penternakan ayam.

"Kerajaan akan mengkaji bantuan kepada mereka yang terlibat," katanya.

Beliau berkata, langkah tersebut merupakan sebahagian pelan jangka sederhana dan jangka panjang yang akan dirangka MAFI dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



Kerajaan menghentikan eksport 3.6 juta ekor ayam sebulan bermula 1 Jun ini bagi menjamin bekalan untuk rakyat negara ini.

LAPORAN MUKA DEPAN

## Jagung, hampas isirung jadi alternatif makanan ayam



ISMAIL SABRI

**SHAH ALAM** - Penanaman jagung dan hampas isirung kelapa sawit (PKC) akan menjadi alternatif kepada makanan ayam di negara ini.

Ia selepas mesyuarat kabinet menerima beberapa pandangan daripada ahli jemaah menteri mengenai perkara terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat juga bersetuju meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah lesen kependudukan sementara (TOL) bagi jangka masa panjang.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diminta membentangkan pelan-pelan tersebut dalam masa terdekat bagi projek penanaman jagung, PKC dan sebagainya," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Zulkifli Idrus pada Mac lalu mencadangkan agar Malaysia menggunakan PKC yang diproses sebagai makanan ayam untuk menggantikan karbohidrat dalam kacang soya dan jagung.

Zulkifli dilaporkan berkata, UPM sudah memperoleh geran di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjalankan beberapa eksperimen bagi mengurangkan kandungan serat dalam PKC supaya sesuai untuk dijadikan makanan ayam.

## Kabinet setuju AP gandum dibatal

**SHAH ALAM** - Kabinet pada Isnin bersetuju agar lesen import (AP) gandum dibatalkan susulan pengumuman kerajaan sebelum ini berkaitan pemansuhan AP bahan makanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, semua kementerian diminta menyenaraikan AP bagi barangan lain yang boleh dimansuhkan untuk menjaga kepentingan pengguna.

"Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menjejaskan kehidupan rakyat.

"Sehubungan itu, saya memohon agar Keluarga Malaysia menyokong tindakan kerajaan ini demi menjaga kepentingan rakyat yang terhimpit dengan peningkatan harga dan kos sara hidup serta kekurangan bekalan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ismail Sabri minggu lalu menyatakan bahawa kerajaan bersetuju memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, keputusan itu dibuat pada mesyuarat kabinet yang dipengerusikannya bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | KRISIS BEKALAN AYAM | 3 |

KRISIS BEKALAN AYAM

# Boikot beli ayam selama dua minggu

77 peratus pelayar Instagram *Sinar Harian* mahu guna kuasa pengguna

SHAH ALAM

Kira-kira 77 peratus pelayar Instagram *Sinar Harian* setuju untuk memboikot pembelian ayam dalam tempoh dua minggu ini berdasarkan undian yang diperoleh setakat jam 8 alam Isnin.

Kesediaan mereka itu adalah bagi menunjukkan kuasa pengguna susulan tindakan syarikat-syarikat penternak menutup ladang mereka sehingga menjejaskan bekalan ayam mentah di pasaran.

Selain itu, lapan peratus menyatakan mereka tidak mahu memboikot pembelian ayam manakala lapan peratus yang lain berpandangan akan mempertimbangkannya.

Selebihnya iaitu lima peratus pula menyatakan mereka tidak pasti sama ada mahu memboikot atau tidak pembelian ayam di negara ini.

Undian bagi mendapatkan pandangan awam itu mula dibuka pada jam 2.30 petang Isnin dan tamat pada 2.30 petang Selasa.

Sementara itu, pakar menyarankan supaya orang ramai menggunakan kuasa pengguna mereka untuk melakukan boikot terhadap peniaga yang menaikkan harga barang dan bekalan ayam.

Pakar Kewangan Pengguna, Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, pengguna perlu bergerak secara kolektif bersama persatuan pengguna dalam menyuarakan pandangan dan hak membeli mereka kepada pihak berkaitan.

"Pengguna boleh tengok manamana pihak yang ada memanipulasi harga, kita boleh boikot buat sementara waktu untuk ajar mereka.

"Pengguna perlu bersatu. Kalau ada keperluan untuk boikot pihak tertentu, gunakanlah kuasa pengguna itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, Mohamad Fazli berkata, persatuan-persatuan pengguna banyak memperjuangkan isu-isu melibatkan kenaikan harga barang di negara ini.

Bagaimanapun, menurutnya, usaha persatuan pengguna tersebut sukar untuk dilaksanakan tanpa sokongan daripada pengguna itu sendiri.




Tinjauan pendapat *Sinar Harian* mendapati orang ramai bersedia menggunakan kuasa pengguna dalam isu kekurangan bekalan ayam.



MOHAMAD FAZLI

## Pemain industri jangan ambil kesempatan - MAFI



NIK ZAWAWI

**KUALA TERENGGANU** - Kerajaan memberi amaran kepada pemain industri penternakan ayam supaya tidak mengambil kesempatan mengawal bekalan dan mencatur harga ayam hingga menjejaskan stok bahan mentah itu dalam pasaran kerana ia memberi kesan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, bekalan ayam dalam negara adalah mencukupi untuk menampung permintaan pengguna namun 'ada sesuatu tidak kena' apabila berlaku masalah kekurangan bekalan protein itu kebelakangan ini.

"Saya tidak nafikan ada masalah ayam berpenyakit dan itu saya boleh terima kerana ia perkara biasa.

"Tapi kalau ada permainan semata-mata untuk mencari keuntungan mudah, itu tidak sepatutnya berlaku," katanya selepas hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu di Chendering di sini pada Isnin.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang meneliti pelan penyelesaian masalah ini bagi memastikan bekalan ayam mencukupi.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengambil pendekatan sepatutnya antaranya adalah penghapusan permit kelulusan (AP) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini bagi mewujudkan persaingan.

Nik Muhammad Zawawi turut berharap agar pemain dalam industri ayam di negara ini dapat bersama-sama kerajaan membantu meringankan beban rakyat.

"Contoh, katakan sebelum ini untung untuk seekor ayam ialah RM2, dalam situasi rumit begini apa salahnya mereka ambil untung RM1," katanya.

## Inflasi makanan dijangka dalam aliran meningkat - MIDF

**KUALA LUMPUR** - Inflasi makanan Malaysia dijangka kekal dalam aliran meningkat pada bulan-bulan akan datang berikutan kenaikan harga komoditi global, gangguan rantaian bekalan domestik serta penyusutan ringgit.

MIDF Amanah Investment Bank Bhd menerusi cabang penyelidikannya, MIDF Research berkata, sebagai negara pengimport bersih makanan, Malaysia amat terdedah kepada sebarang kejutan global yang berkaitan dengan rantaian bekalan.

"Inflasi makanan global kekal tinggi terutamanya harga jagung, bijirin dan sayur-sayuran.

"Bagaimanapun, kami berpendapat tekanan inflasi secara keseluruhannya akan kekal stabil berikutan inflasi bahan api yang berada dalam aliran penurunan," katanya dalam satu nota ekonomi pada Isnin.

Menurut bank pelaburan itu, penyusutan inflasi bahan api tersebut akan menampung kenaikan inflasi makanan dengan mengandaikan kerajaan mengekalkan had harga semasa minyak RON95 dan diesel.

"Dalam laporan kami *Oil Exports Rebound & Inflation Concerns*, kami telah mengunjurkan bahawa inflasi keseluruhan Malaysia akan kekal di bawah 3.0 peratus biarpun sekiranya purata inflasi makanan pada +5.0 peratus manakala harga bahan api semasa pada paras sedia ada.

"Namun, jika purata inflasi makanan melonjak kepada 10.0 peratus, purata inflasi keseluruhan akan berada pada 4.6 peratus," katanya.

Menurutnya, dalam senario buruk, purata inflasi keseluruhan diunjurkan pada 8.9 peratus sekiranya kerajaan memilih untuk mengapungkan harga bahan api manakala purata inflasi makanan pada 10.0 peratus. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | KRISIS BEKALAN AYAM | 4 |

# Tangguh, kurangkan sementara beli ayam

## Alternatif bagi memastikan keadaan kembali stabil

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Persatuan pengguna meminta rakyat Malaysia agar membuat pilihan bijak termasuk menangguhkan sementara pembelian ayam sebagai langkah untuk menangani isu kenaikan harga ayam ekoran daripada kekurangan bekalan bahan makanan tersebut di dalam negara.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, pengguna harus sedar bahawa isu peningkatan harga itu bukan kali pertama berlaku kerana ia dilihat sebagai satu rutin terutamanya setiap kali tiba musim perayaan.

"Pengguna kena didik diri yang pertama beli barang bila perlu, kalau tidak jangan beli atau kalau perlu tangguh kita tangguh.

Yang pentingnya tindakan tangguh itu sebab kalau kita tidak buat sesuatu, harga barang ini akan naik.

"Dia dah berpuluh tahun tiap kali musim raya, raya haji, masa itu juga nak naik. Musim hujan dan musim kemarau mesti nak naik. Ada sahaja sebab nak naikkan harga," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) turut bersetuju agar masyarakat mengurangkan sedikit kebergantungan terhadap daging ayam buat sementara waktu dengan memilih sumber protein alternatif lain yang berada di pasaran.

"Mungkin buat sementara waktu ini kita boleh dapatkan makanan untuk keluarga daripada sumber protein lain seperti sayuran, kekacang dan termasuk ikan," katanya.

Pada masa sama, CAP turut menggesa kerajaan agar mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah kekurangan bekalan ayam itu kerana bahan makanan itu adalah antara sumber makanan mampu milik pengguna di Malaysia berbanding daging lembu dan kambing.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Dr Saravanan Thambirajah berkata, untuk menangani isu tersebut, pengguna seharusnya melakukan pembelian sekadar mencukupi bagi keperluan keluarga.

Katanya, pengguna juga perlu lebih peka terhadap kemungkinan berlakunya peningkatan harga makanan akibat kekurangan bekalan dan mengelakkan pembelian panik.

"Belilah hanya mencukupi untuk keluarga anda. Jangan banyak sangat. Selain itu, kepada peniaga pula, kalau boleh kurangkan pembaziran dalam pengeluaran produk mereka.

"Ini bagi mengelakkan berlakunya gangguan teruk terhadap penawaran di pasar. Jadi masyarakat umum contohnya kumpulan B40 boleh dapatkan ayam pada harga berpatutan untuk makanan seharian mereka," ujarnya.



Penjual ayam, Mohamad Nasir Abdul Kalam menyusun beberapa ekor ayam di geralnya di Pasar Awam Chowrasta, Georgtown, Pulau Pinang berikutan kekurangan ayam akhir-akhir ini.

LAPORAN MUKA DEPAN



NADZIM



SARAVANAN

### HARGA SEMASA MAKANAN

| Senarai makanan | Harga runcit (RM/kilogram) |
|---|---|
| Ayam standard | RM8.90 |
| Ayam super | RM9.90 |
| Ikan selayang (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram) | RM12 |
| Ikan aya/tongkol (berat antara satu ekor hingga dua ekor setiap kilogram) | RM14 |
| Ikan demudok/ sagal/ cermin/ cupak (Sabah sahaja) | RM15 |
| Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara lapan ekor hingga 12 ekor setiap kilogram) | RM20 |
| Daging kerbau import (Harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Labuan sahaja) | RM20 |
| Daging lembu tempatan (kecuali bahagian batang pinang) | RM39 |
| Daging lembu import (Harga maksimum di Sarawak sahaja) | RM42 |

### REAKSI



*Kerajaan tidak patut tunduk dengan tekanan yang diberikan. Ini kerana kita mempunyai akta tersendiri dalam mengawal harga pembekal mahupun barang akhir terhadap pengguna. Saya lihat kerajaan perlulah bersikap tegas agar kumpulan ini tidak sewenang-wenangnya menekan rakyat dengan harga yang begitu tinggi."* - **Pengguna, Mohd Nazirul Hisham, 33.**



*Pihak kerajaan dan pengguna tidak perlu tunduk kepada tekanan ini kerana kita sudah cukup terbeban dengan kenaikan harga barang asasi yang lain. Selain daripada itu, jika wujudnya boikot daripada pengguna, pembekal ayam juga mempunyai potensi mengalami kerugian."* - **Pengguna, Noor Syahida Md Sofian, 33.**



*Kerajaan seharusnya bertegas dalam menjalankan pemantauan bekalan dan harga terhadap peladang. Kerajaan dan pengguna tidak perlu tunduk terhadap komplot ini kerana yang menentukan permintaan terhadap ayam ialah pengguna. Kita boleh pelbagaikan alternatif lain dalam penyediaan menu makanan selain ayam."* - **Pengguna, Izzarul Amira Nasir Putra, 32.**



*Tindakan boikot adalah tindakan yang tidak wajar. Ia langsung tidak memberikan sebarang keuntungan kepada kedua-dua pihak. Malah, ia juga akan mengganggu kelangsungan ekonomi asas negara."* - **Pengguna, Muhammad Shahbudin Ali Wong, 32.**



*Sebagai pengguna, kita tidak perlu tunduk kepada tekanan yang dibuat oleh peladang kerana kita juga ada hak sendiri. Isu kekurangan bekalan ayam ini telah berlaku sejak Oktober 2021 lagi, adakah dengan kenaikan harga siling ini dapat menjamin jumlah pengeluaran ayam mencapai kadar keperluan negara? Mungkin pihak peladang boleh memikirkan cara untuk menghasilkan dedak ayam sendiri di samping subsidi sedia ada bagi mengurangkan kos operasi."* - **Pengguna, Hamizah Sahharon, 30.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

PROJEK PONDOK KEBUN MANFAATKAN TANAH TERBIAR

**Pagi ke pejabat, petang bertani**

»21 & 22



PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Kerajaan beri amaran batal lesen, kuat kuasa akta bekalan makanan

# Eksport ayam dihentikan

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM dan JUANI MUNIR ABU BAKAR**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA :** Kerajaan mengambil langkah drastik bagi mengatasi isu bekalan ayam dan kenaikan harga barang dengan menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan bermula 1 Jun ini.

Ketika ini Malaysia mengeksport 3.6 juta ekor ayam sebulan dan ketetapan itu sehingga harga dan pengeluaran ternakan itu kembali stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, itu merupakan antara langkah jangka pendek yang diambil kerajaan yang diputuskan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

"Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menjejaskan kehidupan rakyat," katanya.

Mesyuarat yang sepatutnya berlangsung pada setiap Rabu telah dipercepatkan berikutan gangguan bekalan dan kenaikan harga ayam serta kos sara hidup di seluruh negara.

Selain itu, kerajaan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi.

"Kerajaan juga mempermudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam dan menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam," katanya semalam.

Bersambung di muka 3



**Tuai jagung bijirin**

KETIKA penternak sedang mengeluh dengan harga makanan ayam meningkat, Supardi Bai pula menunjukkan hasil tanaman jagung bijirin yang diusahakan di Kampung Gedang, Terachi, Kuala Pilah semalam. – UTUSAN/MOHD SHAHJEHAN MAAMIN (Berita muka 5)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Nilai semula pelan ekonomi

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juanibakar@mediamulia.com.my



MALAYSIA perlu menghapuskan kerenah birokrasi dan ketirisan jika mahu memastikan pelan ekonomi negara berjaya dilaksanakan mengikut perancangan.

**PETALING JAYA:** Semua pelan ekonomi negara akan gagal sekiranya isu ketirisan dan kerenah birokrasi dalam pelaksanaan rancangan yang dirangka tidak dihapuskan sepenuhnya.

Penganalisis-penganalisis turut berpandangan, Malaysia perlu menilai semula rancangan-rancangan ekonominya bagi mendepani cabaran ketidaktentuan ketika ini dan akan datang khususnya sejak dunia dilanda virus Covid-19 dan terkini, perang Russia-Ukraine.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, kerajaan perlu sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap dasar-dasar semasa bagi memastikan perancangan tersebut berada di atas landasan sebenar.

Menurut beliau, ini termasuk melihat aspek kelemahan pelan itu sama ada wujud ketirisan dan kerenah birokrasi sehingga menjejaskan pelaksanaan rancangan berkenaan atau boleh menguntungkan rakyat.

"Kita sudah mempunyai banyak dasar, tetapi paling penting adalah koordinasi terhadap pelaksanaannya supaya hasrat pelan ekonomi itu menepati sasaran. Masalah tidak akan selesai jika isu ketirisan dan birokrasi berulang, sekalipun kita memperkenalkan dasar baharu.

"Kajian mendalam perlu dilakukan terhadap sebarang penambahbaikan agar segala pelan ekonomi itu tidak memberi kesan lain selepas dilaksanakan kelak," katanya.

Semalam, Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd., Mohamad Azlan Jaafar menerusi Minda Pengarangnya mengemukakan keperluan agar negara mempunyai pelan ekonomi atau blueprint jangka panjang yang akan melonjakkan negara ke taraf global.

Kata Azlan, dunia dan Malaysia lebih 24 bulan dilanda pandemik Covid-19 sekali gus memberikan kesan kepada kehidupan manusia dan menuntut satu pelan baharu yang mampu memberi keyakinan untuk generasi masa depan.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, negara tidak memerlukan pelan baharu, sebaliknya dua dasar terkini iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang dilancarkan pada 2021 sudah sedia wujud.

Kata beliau, apa lebih penting sekarang adalah menambah baik dasar-dasar sedia ada itu dengan mengambil kira cabaran terkini dialami oleh Malaysia sama ada di peringkat domestik dan global.

"Selain itu, kita juga ada beberapa dasar yang baharu dilaksanakan sejak setahun dua lepas seperti Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, Dasar Automotif Negara 2020 dan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030," katanya.

# Eksport ayam dihentikan

Dari muka 1

Sebelum ini, kerajaan memansuhkan Approved Permit (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam bertujuan meningkatkan peluang pengilibatan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

Perdana Menteri sebelum ini memberi amaran akan menghapuskan lebih banyak AP bahan makanan bagi meningkatkan bekalan dan menstabilkan harga barangan.

Ismail Sabri semalam menyatakan rasa kesal terhadap tindakan beberapa buah syarikat yang menghentikan bekalan ayam sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan harga dan kekurangan bekalan di pasaran.

"Ketika ini, Kerajaan telah menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 seekor dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu.

"Bagaimanapun, pihak Kerajaan mendapati beberapa syarikat besar yang tidak berminat untuk memohon subsidi dan mahukan Kerajaan membiarkan harga ayam ditentukan sendiri oleh pasaran.

"Setakat ini, hanya RM50 juta subsidi telah dibayar kepada penternak yang kebanyakannya adalah syarikat kecil," katanya.

Beliau berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat pembabitan kartel dalam isu ayam dan siasatan dijangka selesai pada bulan Jun ini.

"Jika didapati wujud kesepakatan kartel tersebut, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka," tegas beliau.

Perdana Menteri memberi amaran akan memerangi orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga.

"Kerajaan akan memperkenalkan semula Jihad Memerangi orang tengah yang telah saya perkenalkan pada tahun 2014. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diberikan peranan untuk mengetuai Jihad Memerangi Orang Tengah ini," katanya.

Mesyuarat Kabinet semalam juga membincangkan mengenai penanaman jagung sebagai menjadi alternatif kepada makanan ayam, pembabitan kerajaan negeri, agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi menternak ayam.

Peguam Negara turut serta dalam Mesyuarat Kabinet semalam dan telah menasihatkan Kabinet untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) bagi menangani aktiviti menyorok, menyimpan atau unsur-unsur sabotaj terhadap bekalan ayam termasuk membatalkan lesen serta merta.

Kabinet semalam juga bersetuju supaya AP gandum dibatalkan dan semua kementerian diminta menyenaraikan AP bagi barangan lain yang boleh dimansuhkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Selesaikan dulu masalah penternak

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Masalah yang dihadapi oleh penternak yang membawa kepada situasi kekurangan bekalan ayam ketika ini perlu diselesaikan dahulu sebelum memberikan tanggungjawab kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Felda, Sime Darby atau Nafas.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, para penternak tidak akan melakukan 'mogok' dengan sewenang-wenang tanpa alasan kukuh.

"Mesti ada sesuatu yang belum atau tidak diselesaikan antara penternak dengan pihak pemborong atau peniaga ayam. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu mengkaji sedalam-dalamnya," katanya ketika dihubungi.

Hujung minggu lalu, kartel industri ternakan ayam menutup ladang ternakan mereka sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Malah, turut dipercayai komplot syarikat-syarikat peladang menutup ladang mereka sehingga menjejaskan bekalan ayam mentah di pasaran adalah cubaan pertama kumpulan 'tangan hitam' itu menuntut harga siling dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram kerana harga semasa tidak lagi relevan susulan peningkatan kos yang drastik.

Nan Sang berkata, tiada halangan untuk GLC masuk ke pasaran bagi sama-sama menyelesaikan bekalan ayam sebelum ia bertambah buruk tetapi isu utama harus diselesaikan.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL), Samsudin Mohamad Fauzi mencadangkan penubuhan suruhanjaya berkaitan bekalan makanan.

Jelasnya, bidang kuasa mengenai bekalan makanan pada masa kini 'terpecah' di mana pelbagai isu melibatkan bekalan makanan asas masyarakat terbahagi kepada pelbagai jabatan hingga mewujudkan tidak keselarian, jadi ia perlu diselaraskan semula.

"Punca kuasa sekarang duduk pecah-pecah, isu halal di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), isu import eksport di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), isu tentang bekalan pula duduk dengan KPDNHEP.

"Perkara-perkara ini perlu diletakkan di bawah satu 'payung' yang dinamakan sebagai suruhanjaya isu makanan kerana apabila wujudnya badan itu maka akan wujud satu akta khas untuk melindungi pengguna," katanya.

# Tanaman jagung bijirin perlu skala besar

**SEREMBAN:** Isu kekurangan bekalan ayam serta kenaikan harganya tidak dapat dinafikan adalah berkaitan dengan masalah melonjaknya harga dedak yang terpaksa ditanggung penternak.

Kebergantungan yang boleh dianggap 100 peratus terhadap jagung bijirin import perlu diatasi dengan negara mengeluarkan sendiri jagung bijirin tersebut.

Namun, seorang penanam jagung bijirin dari Kampung Gedang, Terachi, Kuala Pilah, Supardi Bai, 55, berkata, jika Malaysia mahu menanam tanaman tersebut, ia perlu dilakukan dalam skala yang sangat besar.

Katanya, ini bagi memastikan matlamat akhir iaitu negara tidak lagi bergantung dengan jagung bijirin import dan makanan ternakan dapat dijual pada harga rendah tercapai.

Jelasnya, bagi menampung keperluan makanan 2.1 juta ekor ayam sehari, tanaman jagung bijirin perlu ditanam seluas 80,000 hektar.

"Kalau kita tanam dalam skala yang kecil, banyak kerja perlu dilakukan secara manual. Ia akan menyebabkan produktiviti yang rendah dan kos buruh pula tinggi," katanya lagi ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dia melihat kerjasama di antara kerajaan negeri Selangor dan Negeri Sembilan bagi mengusahakan tanaman jagung bijirin di tanah seluas 162 hektar tanah di Gemas, Tampin sebagai satu usaha yang sangat baik.



SUPARDI Bai menunjukkan hasil tanaman jagung bijirin yang diusahakannya di Kampung Gedang, Terachi, Kuala Pilah. - UTUSAN/ MOHD SHAHJEHAN MAAMIN



KILANG memproses ayam milik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mempunyai kemudahan yang lengkap tetapi kini hanya membekalkan ayam untuk agensi kerajaan.

# Lima juta ayam sebulan – Nafas

**PETALING JAYA:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberi jaminan menghasilkan sehingga lima juta ekor ayam untuk dipasarkan di seluruh negara dalam tempoh dua atau tiga bulan dari sekarang sekiranya kerajaan memberikan geran berjumlah sehingga RM400 juta kepada agensi itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jemaah Pengarahnya, Datuk Zamri Yaakob berkata, Nafas perlu diberi peluang memainkan peranan berhubung isu bekalan ayam berikutan kenaikan harga ayam yang meningkat di pasaran berpunca daripada kekurangan bekalan.

"Ternak ayam memang bidang kita apabila kita ada kilang proses ayam di utara, selatan dan kilang makanan ayam serta ada *vendor* ternak ayam di bawah kita. Kita juga ada 227 pertubuhan peladang kawasan (PPK) seluruh negara dan 14 pertubuhan peladang negeri (PPN) dengan satu juta keahlian yang mudah untuk kita bekerjasama.

"Sekarang pun kita ada keluarkan ayam, tetapi bekalkan ayam kepada agensi (kerajaan) seperti hospital, jabatan penjara dan Kementerian Pertahanan yang berjumlah sehingga RM40 juta setahun. Maknanya kita dah ada kelengkapan tetapi kena tambah fasiliti kalau mahu bekalkan (ayam) ke seluruh negara.

"Kalau nak keluar sendiri (Nafas) tak mampu sebab kos tinggi. Ternak ayam (perlukan modal sehingga) RM50 bagi seekor, jadi kalau keluar satu juta ekor sebulan perlukan RM50 juta," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, walaupun lima juta ekor itu tidak dapat memenuhi permintaan sebenar rakyat tetapi angka itu pasti membantu mengurangkan kebergantungan kepada syarikat swasta.

"Negara masih perlu syarikat swasta yang lain, namun kena ingat mereka cari untung dan ambil kesempatan tetapi harga ayam Nafas tetap bergantung kepada pasaran sebab makanan ayam kita import," ujarnya.

Zamri memaklumkan, Nafas juga sedang memperhalusi untuk menanam jagung di negara ini untuk mengelakkan daripada terus bergantung kepada pasaran import.

"Nafas sedang mengenal pasti tanah untuk memulakan projek penanaman bagi makanan ayam itu, dan mungkin berunding dengan mana-mana kerajaan negeri.

"Tanaman jagung perlu ditanam di kawasan sesuai. Jadi misal di Kelantan, Kedah atau kawasan tanah terbiar yang mungkin boleh tanam jagung, jadi memudahkan," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Rombak pihak buat pemantauan halal Jakim

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) perlu mengenal pasti kelemahan dalam proses pemantauan badan pensijilan halal luar negara (FHCB) yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber dalam industri halal antarabangsa berkata, ini termasuk membuat penambahbaikan prosedur tertentu selepas Jakim tidak menafikan bukti ketidakpatuhan di Thomas Food Industries (TFI), malah mempertahankan pemantauan dan integriti halal daging yang memasuki Malaysia dari Australia.

Katanya, perkara ini penting dalam membuat rombakan semula pihak yang diberi tanggungjawab melaksanakan tugas pemantauan bagi mengelakkan kebimbangan ini daripada terus berulang pada masa hadapan.

"Berdasarkan kenyataan saksi dan bukti video yang diberikan, jelas terdapat isu mengenai peranan Jakim dan bagaimana ia memastikan pematuhan berterusan terhadap protokolnya.

"Adalah mengecewakan apabila Jakim nampaknya cuba melindungi reputasinya dengan cara ini, berbanding melihat isu yang didedahkan sebagai peluang meningkatkan prosedur dan protokolnya sebagai pihak berkuasa halal kerajaan Malaysia.

"Ia sama ada dari segi kelulusan dan pemantauan rumah penyembelihan halal yang mengeksport ke Malaysia, dan kelulusan serta pemantauan FHCB yang diakreditasikannya," katanya di sini semalam.




Dalam satu artikel kepada *Utusan Malaysia* semalam, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff menegaskan, Jakim akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan berhubung isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia.

Ini termasuk mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal jika terbukti berlakunya pelanggaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan.

Dalam konteks halal, jelas Hakimah, kerajaan Malaysia telah mengambil usaha proaktif dengan menetapkan polisi halal terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau lain-lain haiwan halal import yang masuk ke pasaran Malaysia sebagai satu usaha menjamin rantaian halal bahan mentah di Malaysia, malah sebagai satu bentuk kawalan agar hanya daging sembelihan halal dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia.

Dalam pada itu, sumber berkata, Jakim perlu berperanan membuat penilaian komprehensif sendiri tidak hanya bergantung kepada proses FHCB dalam membuat keputusan dan menjalankan audit yang bertujuan memastikan semua daging yang disembelih setiap hari sepanjang tahun mematuhi keperluan halal Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

# Kabinet putus 5 langkah jangka pendek atasi isu bekalan, harga ayam

- Henti eksport 3.6 juta ayam sebulan bermula 1 Jun sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil
- Wujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk milik MAFI dan agensi
- Mansuh AP ayam termasuk ayam bulat bagi tingkatkan peluang pengimport sediakan lebih banyak sumber bekalan
- Permudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam
- Tambah dan iktiraf loji sembelihan di luar negara bagi tingkatkan bekalan ayam

Nasional 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Eksport ayam dihenti mulai 1 Jun

## Langkah antara 5 pendekatan segera atasi kekurangan bekalan di pasaran

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pemberhentian eksport 3.6 juta ayam sebulan bermula 1 Jun ini adalah di antara lima pendekatan segera jangka pendek diumumkan kerajaan semalam, dalam usaha mengatasi isu kekurangan bekalan bahan makanan itu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan terbabit diputuskan mesyuarat Kabinet semalam yang akan berkuat kuasa sehingga harga dan pengeluaran ayam tempatan, kembali stabil dengan memberi keutamaan kepada memenuhi keperluan rakyat negara ini.

Beliau berkata, selain menghentikan eksport ayam terbabit, kerajaan juga akan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi kerajaan yang lain.

"Kerajaan mengambil berat dan memandang serius terhadap isu peningkatan harga dan bekalan ayam semasa yang menghimpit seluruh Keluarga Malaysia.

"Kerajaan kesal dan kecewa terhadap tindakan beberapa syarikat yang menghentikan bekalan ayam sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan harga dan kekurangan bekalan di pasaran," katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan mesyuarat itu semalam.

Mesyuarat Kabinet yang lazimnya diadakan pada Rabu setiap minggu, dipercepatkan kepada semalam bagi membincangkan isu membabitkan kos sara hidup yang dijangka meningkat.

Ketika mesyuarat semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MAFI diarah mengemukakan pelan mengatasi isu ayam, peningkatan harga barang dan kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, pemansuhan permit import (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan berkuat kuasa minggu lalu, bertujuan meningkatkan peluang pembabitan pengimport untuk menyediakan lebih banyak sumber bekalan.

"Kerajaan juga akan menambah dan mengiktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam.

"Selain itu, proses tuntutan subsidi oleh pengeluar juga akan dipermudahkan. Bagaimanapun, kerajaan dapati hanya RM50 juta subsidi sudah dibayar kepada penternak, yang kebanyakannya adalah syarikat kecil," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mendapati beberapa syarikat besar pengeluar ayam pula tidak berminat memohon subsidi disediakan itu, sebaliknya mahukan kerajaan membiarkan harga ayam ditentukan sendiri oleh pasaran.

> "Kerajaan kesal dan kecewa terhadap tindakan beberapa syarikat menghentikan bekalan ayam sehingga berlakunya peningkatan harga dan kekurangan bekalan di pasaran"
>
> ***Ismail Sabri Yaakob,*** *Perdana Menteri*



"Ketika ini, kerajaan menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 sekilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta mengikut Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu," katanya.

Ismail Sabri berkata, Peguam Negara juga dipanggil menghadiri mesyuarat semalam juga menasihatkan Kabinet menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) terhadap sebarang aktiviti menyorok, menyimpan atau unsur-unsur sabotaj terhadap bekalan ayam.

Katanya, tindakan boleh diambil mengikut akta berkenaan dan lesen mereka yang terbabit dengan perbuatan itu juga boleh dibatalkan serta merta.

"Kerajaan meminta MAFI dan KPNDHEP melakukan pemantauan dan pemeriksaan serta mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan (Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974).

"Mengikut akta itu, penalti bagi individu adalah denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali, manakala perbadanan dan syarikat boleh didenda sehingga RM2 juta," katanya.

Isu kekurangan bekalan ayam meruncing pada hujung minggu lalu apabila ada syarikat pengeluar ayam bertindak tidak mengeluarkan ayam ke pasaran menyebabkan kekurangan bekalan ketika umat Islam masih lagi merayakan Aidilfitri sepanjang Syawal.

*BH* sebelum ini melaporkan, sesetengah peniaga ayam di Pasar Borong Selangor di sini, mengambil inisiatif mencari dan membeli ternakan itu daripada penduduk kampung untuk jualan pada Sabtu lalu, manakala ada juga terpaksa menutup perniagaan disebabkan kekurangan bekalan.

Pengusaha industri mendakwa, penternakan ayam seluruh negara menghadapi tumbesaran ternakan akibat cuaca kering kerana lambat mencapai berat matang yang sesuai untuk dipasarkan.

Masalah itu dijadikan alasan beberapa syarikat pengeluar menghentikan operasi pengeluaran, sekali gus bekalan dijangka terjejas sekurang-kurangnya untuk tempoh sebulan lagi.



*Bekalan ayam mentah sukar diperoleh menyebabkan rata-rata peniaga menaikkan harga runcit ayam.* (Foto BERNAMA)

# Arah tanah TOL diusahakan tanaman jagung

**Kuala Lumpur:** Kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diarah menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) untuk penanaman jagung sebagai usaha jangka panjang menjadi alternatif kepada makanan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keputusan itu berdasarkan pandangan yang diterima daripada Ahli Jemaah Menteri berkaitan penanaman jagung dan penggunaan hampas isirung kelapa sawit (PKC) untuk menjadi alternatif kepada makanan ayam.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diminta membentangkan pelan terbabit dalam masa terdekat bagi projek penanaman jagung dan sebagainya.

"Kerajaan turut menggalakkan GLC, agensi kerajaan, Pertubuhan Peladang dan Koperasi untuk turut terbabit dalam penternakan ayam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kenyataan itu susulan mesyuarat Kabinet yang diawalkan bagi membolehkan kerajaan membincangkan mengenai kos sara hidup termasuk berkaitan isu bekalan ayam.

Katanya, kerajaan akan mengkaji dari segi bantuan kepada mereka yang terbabit dan ia adalah sebahagian pelan jangka sederhana dan jangka panjang yang akan dirangka oleh MAFI dan KPDNHEP.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata susulan daripada pengumuman beliau berkaitan pembatalan permit import (AP) bahan makanan, Kabinet semalam bersetuju untuk turut membatalkan AP gandum.

"Semua kementerian juga diminta menyenaraikan AP bagi barangan lain yang boleh dimansuhkan untuk menjaga kepentingan pengguna Keluarga Malaysia.

"Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menjejaskan kehidupan rakyat," katanya.

Sehubungan itu, katanya beliau memohon agar Keluarga Malaysia menyokong tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan demi menjaga kepentingan rakyat yang terhimpit dengan peningkatan harga dan kos sara hidup serta kekurangan bekalan.

Sementara itu, katanya Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menjalankan siasatan berhubung laporan wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam dalam kalangan syarikat besar.

Ismail Sabri berkata, kerajaan sedar mengenai laporan berkenaan dan siasatan yang sedang dijalankan MyCC berkaitan perkara itu dijangka selesai pada Jun ini.

"Jika didapati wujud kesepakatan kartel itu, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Pada masa yang sama, kerajaan akan mengurangkan peranan orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga," katanya.

Tambah Ismail Sabri, kerajaan juga akan memperkenalkan semula Jihad Memerangi Orang Tengah yang perkenalkan oleh beliau sendiri pada tahun 2014.

"Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diberikan peranan untuk mengetuai Jihad Memerangi Orang Tengah ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

Isu ayam dan harga barang

# Peniaga utamakan pembeli tetap, rakan


*Peniaga memotong ayam yang dipesan pembeli di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Fathil Asri/)

## Orang ramai terus sukar peroleh bekalan ayam, terpaksa beratur panjang


Oleh Asrol Awang, Noorazura Abdul Rahman, Samadi Ahmad, Ahmad Hasbi dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Orang ramai sukar mendapat bekalan ayam kerana peniaga mendahulukan pelanggan tetap seperti restoran dan rakan-rakan mereka.

Tinjauan di Pasar Basah Datuk Keramat di sini, mendapati peniaga akan terus mengutamakan peniaga restoran jika kekurangan bekalan ayam berlarutan.

Peniaga ayam, Rosli Mat, 51, berkata bekalan ayam segar yang diperoleh daripada pembekal hanya mampu dijual kepada pembeli tetap.

"Kalau ada lebihan ayam segar pun, hanya dalam 20 ekor dapat dijual kepada pelanggan biasa," katanya.

Di **Seremban**, segelintir kakitangan pasar raya mengambil tempahan daripada pelanggan tanpa pengetahuan majikan.

Itu cara mudah membabitkan pengusaha kedai makan dengan menggunakan 'orang dalam' bagi mendapatkan bekalan ayam tanpa perlu berbaris panjang di pasar.

Seorang pekerja pasar raya yang enggan dikenali berkata, kakitangan terbabit mendapat 'duit tepi' daripada pelanggan berkenaan, selain ada juga kakitangan melakukannya secara percuma atas dasar setia kawan.

"Orang lain terpaksa beratur panjang untuk membeli ayam, namun pelanggan ini boleh datang pada waktu tengah hari dan ada ayam yang sudah tersedia," katanya.

Di **Kuantan**, peniaga merayu agensi kerajaan menyelesaikan segera kekurangan bekalan ayam kerana mereka terputus sumber pendapatan.

Peniaga ayam di Pasar Taman Tas, Zakaria Md Nadzir, 52, berkata kekurangan bekalan menjejaskan pendapatannya ketika permintaan ayam meningkat.

"Minggu lalu, saya terputus bekalan ayam dua hari. Pada masa sama, tempahan ayam hanya diterima pula hanya separuh," katanya

Di **Sik, Kedah**, bekalan ikan dan ayam di pasar basah sangat terhad menyebabkan peniaga sukar untuk menampung permintaan pelanggan.

Peniaga ayam, Salehuddin Ibrahim, 40, berkata beliau tidak mampu memenuhi semua permintaan pelanggan, selepas bekalan ayam yang diperoleh daripada pemborong juga terhad.

"Seminggu sebelum hari raya, permintaan ayam sangat tinggi tapi saya tidak dapat bekalan yang mencukupi. Hari ini contohnya, saya tempah 200 ekor ayam tapi yang saya dapat cuma 100 ekor ayam," katanya.

Di **Putrajaya**, peniaga ayam Pasar Awam Presint 8, Mohd Nadzri Ahmadi, 42, berkata kekurangan bekalan ayam menyebabkan beliau terputus sumber pendapatan kerana bergantung sepenuhnya kepada perniagaan itu.

Katanya, sejak mengusahakan perniagaan itu pada 2001, ini kali pertama beliau berdepan situasi itu sehingga tidak memperoleh keuntungan.

Pengerusi Persatuan Peniaga Pasar Awam Presint Awam Presint 8, Sukaimi Selamat, 54, pula berkata kerajaan perlu mengkaji semula harga siling ayam RM8.90 sekilogram kerana membebankan peruncit.

Katanya, harga yang diterima peruncit kadangkala melebihi harga yang ditetapkan kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab perlu menyiasat, sebelum mengenakan tindakan kepada peruncit dan peniaga.

# Hujan, ombak besar punca bekalan ikan berkurangan

**Alor Setar:** Ketika masalah kekurangan bekalan ayam belum selesai, stok ikan juga menyusut dan harga beberapa jenis ikan meningkat kerana nelayan tidak dapat ke laut.

Bekalan ikan kini jatuh kepada satu pertiga daripada jumlah biasa kerana ombak besar dan hujan di laut menghalang nelayan di beberapa negeri mendapat hasil seperti biasa.


*Abdul Hamid Bahari*

Selain itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menjelaskan air pasang besar luar biasa yang melanda negara baru-baru ini, antara faktor pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung berkurangan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata susulan fenomena itu, dianggarkan sehingga 60,000 nelayan tidak dapat turun ke laut kerana ombak besar, angin kencang dan hujan di laut.

Selain di Kedah, katanya, keadaan sama yang turut berlaku di beberapa jeti utama pendaratan ikan di negeri lain sehingga menjejaskan hasil ikan di seluruh negara, ketika ini.

"Sejak dua bulan lalu, keadaan cuaca tidak menentu berlaku di laut menyebabkan hasil tangkapan nelayan terjejas, sehingga harga pasaran ikan melambung tinggi ketika ini.

"Keadaan menjadi semakin sukar apabila air pasang besar luar biasa turut berlaku di Kuala Kedah dan Kuala Muda minggu lalu, yang sebelum ini jarang berlaku," katanya semalam.

Akhbar melaporkan pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung berkurangan daripada satu juta tan sebulan kepada 300,000 tan, berikutan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu, menyebabkan harga ikan turut meningkat.

Abdul Hamid berkata, disebabkan permintaan pasaran yang kekal tinggi, harga ikan dan hasil laut lain dijangka terus meningkat.

"Nelayan mendakwa sekiranya mereka turun ke laut ketika ikan berkurangan di laut, tidak balik modal jika pulang dengan hasil tangkapan yang sedikit.

"Nelayan masih perlu menanggung kos minyak dan kos sampingan lain," katanya.


*Harga ikan di pasar Sik meningkat berikutan kekurangan bekalan akibat cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.* (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Peniaga ikan di pasar Sik, Abdul Ghani Mat Piah, 65, berkata harga ikan kembung pernah mencecah sehingga RM20 sekilogram, berikutan bekalan sangat berkurangan.

Katanya, harga ikan itu tidak pernah turun daripada RM10, walaupun ikan kembung bersaiz kecil.

"Seperti hari ini (semalam) saya jual ikan kembung saiz kecil dengan harga RM12 sekilogram (kg). Saya ambil ikan ini di pasar borong Alor Setar. Cuma dapat 20 kg. Bekalan terhad sejak dua bulan lalu.

"Bekalan ikan selayang pula saya ambil daripada ikan sejuk beku atau Q-Fish," katanya semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Syor sedia tapak tanah skala besar tanaman bijirin

**Putrajaya:** Kerajaan digesa menyediakan tapak tanah secara besar-besaran bagi penanaman bijirin secepat mungkin dengan membabitkan semua kerajaan negeri supaya dapat mengurangkan kebergantungan kepada import.

Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke, berkata berikutan ayam sumber makanan utama kepada semua lapisan masyarakat dalam kalangan rakyat Malaysia, kerajaan perlu bertindak segera untuk memastikan bekalan ayam di pasaran sentiasa mencukupi dengan menyelesaikan masalah tekanan kos dalam kalangan penternak dengan segera.



*Anthony Loke*

Beliau berkata, keputusan kerajaan membatalkan syarat permit kebenaran (AP) untuk mengimpot bahan makanan ia bukan formula *silver bullet* atau penyelesaian untuk semua masalah yang akan menyelesaikan masalah kenaikan harga barang makanan dan memastikan bekalan tidak terputus.

"Apa yang perlu difahami, setiap negara sedang bergelut dengan masalah keselamatan makanan domestik masing-masing.

"Negara pengeluar utama akan memberikan tumpuan kepada keperluan mereka sendiri terlebih dahulu.

"Tambahan pula, dengan nilai ringgit yang lemah, maka sebarang import makanan daripada negara lain membabitkan harga belian yang lebih tinggi," katanya dalam satu hantaran melalui media sosial, semalam.

Anthony berkata, pada masa sama, kerajaan perlu menyemak semula kadar subsidi RM0.60 sekilogram yang diberikan kepada penternak ayam, supaya ia selari dengan tekanan peningkatan kos dedak yang terlalu tinggi.

Katanya, bantuan subsidi itu juga perlu dilaksanakan tanpa kerenah birokrasi dan disalurkan kepada penternak dengan segera.

"Isu bekalan ayam terputus yang berlaku beberapa hari ini di seluruh negara tidak seharusnya berlaku dan kegagalan kerajaan menangani isu ini tidak boleh diterima sama sekali.

"Kekurangan bekalan ayam dipercayai berpunca daripada pengeluaran yang berkurangan daripada penternak disebabkan tekanan kos dedak ayam yang terlalu tinggi.

"Walaupun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyediakan peruntukan RM528.52 juta untuk pemberian subsidi RM0.60 setiap kilogram, kadar ini perlu disemak semula selari dengan tekanan kos dedak yang terlalu tinggi,"

Beliau yang juga Ahli Parlimen Seremban berkata, DAP berpendirian bahawa dasar menetapkan harga siling untuk ayam sebagai barang kawalan perlu diteruskan memandangkan masalah kos sara hidup semakin tinggi menjadi tekanan hidup paling besar untuk kebanyakan rakyat.

## Isu ayam dan harga barang



*Mazlan Ibrahim menyiapkan tempahan nasi ayam Hainan diusahakannya di Ampangan yang turut berdepan kekurangan bekalan ayam di pasaran.* (Foto Azrul Edham/BH)

# Peniaga terpaksa naikkan harga menu berasas ayam

### Pengusaha restoran dakwa kena bayar kadar mahal kerana bekalan ternakan terhad

Oleh Suraya Roslan
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menu makanan berasaskan ayam, kini menerima tempias kesan kekurangan bekalan sumber protein itu apabila harganya mula dinaikkan peniaga dengan alasan mereka terpaksa membayar kadar mahal terhadap bekalan yang diterima.

Bersandarkan kenaikan harga bekalan yang diterima itu, pengusaha gerai dan restoran kini mengambil langkah menaikkan harga menu makanan berasaskan ayam antara 50 sen dan RM1 bagi setiap hidangan.

Bagi pemilik restoran di Puncak Jalil, Selangor ini yang mahu dikenali sebagai Aiman, 39, berkata setakat ini dia menerima bekalan dari kilang penyembelihan ayam di Puchong.

"Jika saya ambil daripada pembekal, bekalan diterima sangat terhad kerana mereka tidak boleh membekalkan 80 ekor ayam seperti diperlukan setiap hari.

"Nasib baik saya dapat bekalan terus dari kilang penyembelihan, walaupun perlu membayar pada harga RM9.30 sekilogram," katanya.

Justeru, katanya, dia tiada pilihan, selain daripada menaikkan harga makanan berasaskan ayam yang dijual untuk menampung kos.

"Jika dahulu nasi ayam dijual dengan harga RM7.50 sebungkus, saya terpaksa menaikkan kepada RM8 sekarang.

"Begitu juga menu lain yang menggunakan ayam, nasib baik rata-rata pelanggan faham tindakan ini," katanya.

Pengusaha restoran nasi ayam dekat Bandar Tasik Permaisuri, Cheras, Mastura Jamil, 40, berkata berikutan masalah bekalan yang terhad, dia juga terpaksa mengurangkan kuantiti jualan sejak beberapa hari yang lalu.

Katanya, jika sebelum ini, dia dapat menjual 1,000 bungkus nasi ayam sehari, namun sejak beberapa hari lalu kekurangan bekalan diterima menyebabkan jualannya setakat 500 bungkus sahaja.

"Ini disebabkan jumlah ayam yang kami dapat daripada pembekal hanya 50 ekor sahaja, berbanding sebelum ini lebih 200 ayam sehari.

"Selain bekalan kurang, harga ayam juga naik dengan mendadak menyebabkan kami sebagai peniaga kedai makan terpaksa menaikkan harga jualan nasi demi kelangsungan hidup," katanya.

Sementara itu, peniaga restoran di Jalan Pantai Baharu, Ali Syed Mohd, 54, mengakui setakat ini bekalan ayam diterima untuk kedai makannya masih ada, namun bekalan makin sukar diperoleh.

"Perkara ini memang merunsingkan kami sebagai peniaga restoran kerana ayam menjadi antara menu utama pilihan pelanggan.

"Sukar untuk kami berniaga tanpa bekalan ayam mencukupi. Jika berlaku perbezaan ketara, sukar untuk kami mengekalkan harga sedia ada melainkan menaikkan harga jualan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Lindungi penternak, petani mikro susulan mansuh AP makanan

- Pemansuhan AP buka peluang sama rata peniaga bekal bahan makanan
- Harga barangan dijangka lebih stabil kerana tutup monopoli pasaran makanan
- Sumber pendapatan petani, penternak sara diri mungkin terjejas



Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi & Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Dr Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee
bhrencana@bh.com.my

**Dalam** usaha memastikan bekalan makanan negara mencukupi, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membuat keputusan berani dengan memansuhkan permit import (AP) bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Sejajar tindakan drastik kerajaan ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dipertanggungjawabkan mengemukakan cadangan jangka pendek dan panjang.

MAFI perlu memastikan tindakan kerajaan dilaksanakan sebaiknya supaya semua aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, penyediaan dan keselamatan makanan dipantau rapi, sekali gus tidak menjejaskan hak pengguna.

Malah semalam, mesyuarat Kabinet yang biasanya diadakan setiap Rabu, dipercepatkan kepada semalam, khusus bagi membincangkan isu bekalan bahan makanan mentah, termasuk ayam.

Kelulusan kuota AP membabitkan pengeluaran pertanian perlu mendapatkan kelulusan pihak berwajib kerana jumlah kuota import diluluskan berdasarkan keperluan negara semasa dengan mengambil kira kuantiti pengeluaran tempatan dan keluaran pertanian ditambah nilai untuk eksport.

Pemansuhan AP diumumkan kerajaan itu membabitkan komoditi agro makanan tertentu seperti kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat) dan susu cair.

Namun, bagi makan ruji rakyat Malaysia seperti beras pada masa ini, permohonan kuota import hanya dibuka kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sahaja sebagai pengimport tunggal berdasarkan perjanjian konsesi ditandatangani bersama kerajaan.

Terdapat implikasi positif dan negatif dikesan apabila kerajaan memansuhkan AP dalam sektor makanan. Implikasi positif adalah ia bakal membuka ruang kepada persaingan dalam pasaran terbuka.

Ia dijangka membantu meningkatkan sumber makanan tempatan, menurunkan kos barang import, selain usahawan tempatan berpeluang meningkatkan daya saing di peringkat global dan menjadi penggerak utama dalam pasaran antarabangsa.

Langkah kerajaan ini membuka ruang kepada sesiapa sahaja mengimport makanan ke negara ini, tidak hanya terhad kepada pihak tertentu.

Selain itu, harga barangan dijangka lebih stabil dan murah kerana akan membanteras 'permainan' harga pemilik AP tidak bertanggungjawab dan mengurangkan kuasa monopoli terhadap pasaran makanan pihak tertentu.

Ia juga memberikan peluang sama rata kepada peniaga untuk membekalkan bahan makanan.

Langkah ini dijangka dapat mengawal krisis makanan mungkin berlaku susulan masalah inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik COVID-19 serta konflik Russia-Ukraine.

Dalam aspek jaminan sekuriti makanan ditawarkan, walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agro makanan tertentu dari luar negara, pengimport masih perlu mempunyai kelulusan import (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu masuk negara.

Ia bagi memastikan proses pemantauan dan penguatkuasaan dapat dilakukan terhadap kualiti barang makanan supaya memenuhi standard serta piawaian ditetapkan.

Tambahan lagi, sekuriti makanan adalah isu teras untuk diketengahkan memandangkan masyarakat memerlukan sumber makanan seimbang bagi mendapatkan tenaga dan nutrien.

> Kerajaan perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan petani, nelayan dan penternak domestik demi menjamin kelangsungan rantaian makanan

Makanan baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat, bahkan menyentuh aspek kandungan kimia dan biologi makanan dalam pasaran.

Justeru, Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) dibentuk untuk memastikan pelaksanaan tahap sekuriti makanan di negara ini merangkumi empat komponen utama, iaitu ketersediaan (*availability*); akses (*accessibility*); penggunaan (utilization) serta kestabilan dan kemampanan (*stability and sustainability*).

Sejajar tanggungjawab sosial kerajaan terhadap keperluan dan kesihatan rakyat dalam isu sekuriti makanan, pemantauan berkala dan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan isu ini ditangani dengan baik dan tidak wujud pertikaian pada masa depan.

Namun, pemansuhan AP memberi impak tertentu kepada sektor pertanian tempatan terutama golongan petani skala kecil untuk kekal bersaing dengan pengeluaran produk import bakal dibawa masuk ke negara ini.

Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menganggap keputusan memansuhkan AP barang makanan memerlukan kajian terperinci terlebih dulu terutama aspek keperluan dan jenis barangan terbabit.

Sebelum ini AP turut diperlukan untuk mengimport pelbagai buah-buahan tempatan seperti mangga, kelapa dan betik yang mana turut diusahakan petani tempatan.

Pada 2020, Malaysia mengimport makanan dari negara pengeluar hingga RM55 bilion. Namun, tidak dinafikan sebahagian besar bekalan makanan domestik negara berasal dari sektor pertanian dan penternakan tempatan.

Sektor primer ini diusahakan petani kecil bergantung penuh kepada pengeluaran dan permintaan domestik negara untuk memperoleh sumber pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Pemansuhan AP sedikit sebanyak dilihat bakal memberi impak besar kepada sektor pertanian dan penternakan tempatan apabila mereka perlu bersaing dengan lambakan produk import pada masa depan.

Keadaan ini akan menggugat sumber pendapatan golongan petani tempatan atau mengamalkan aktiviti pertanian dan penternakan sara diri.

Sektor pekerjaan dikhuatiri turut terjejas apabila industri pertanian dan penternakan tempatan bakal tutup atau gulung tikar akibat pertukaran model perniagaan beralih kepada model perniagaan bergantung kepada alternatif import sepenuhnya.

Kerajaan perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan petani, nelayan dan penternak domestik demi menjamin kelangsungan rantaian makanan.

Pakar ekonomi dari Malaysia University of Science and Technology, Geoffrey Williams, berkata Malaysia masih mengimport 60 peratus keperluan makanan dan ia akan terus berlanjutan sekiranya inisiatif penambahbaikan tidak dilaksanakan.

Kebergantungan luar ini dikhuatiri menjadi lebih teruk memandangkan negara masih bergantung kepada negara lain untuk memenuhi sumber keperluan makanan negara.

Menurut statistik, pada 2019, Malaysia hanya menghasilkan 46 peratus sayur-sayuran; beras (70 peratus); buah-buahan (61 peratus); daging (25 peratus) dan daging kambing (11 peratus).

Seandainya, keadaan kebergantungan masih berterusan, kesediaan Malaysia dalam memastikan soal keselamatan makanan dilihat semakin parah dan usaha berterusan perlu segera dilaksanakan.

Selain itu, implikasi pemansuhan AP turut menyumbang kepada punca kenaikan harga barang makanan mungkin membebankan pengguna terutama berpendapatan rendah.

Contohnya, apabila harga makanan di peringkat antarabangsa meningkat, harga makanan Malaysia juga naik kerana nilai import perlu ditanggung pengimport. Tambahan lagi, nilai ringgit rendah kini turut menjadikan harga barang import termasuk makanan menjadi lebih mahal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Rampasan ceroboh RM1.5j

## *Bot nelayan Vietnam bersama 15 kru ditahan*

**Oleh Zatul Iffah Zolkiply**
zatuliffah@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang menceroboh dan mencuri hasil laut negara membabitkan rampasan bernilai RM1.5 juta.

Bot itu ditahan dalam satu rondaan operasi penguatkuasaan bersepadu Op Naga Barat dan Op Khas Kuda Laut pada jarak 100 batu nautika timur laut jam 3 petang Sabtu lalu.

Pengarah APMM Terengganu Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, pemeriksaan mendapati ada 15 kru termasuk seorang tekong yang berusia antara 20 hingga 50 tahun di dalam bot berkenaan dengan semuanya gagal menunjukkan sebarang dokumen pengenalan diri sah.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap bot berkenaan menemui hasil tangkapan dianggarkan seberat 700 kilogram, 1,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

"Bot dan semua kru ditahan dibawa ke Jeti APMM Terengganu untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri sah.

Beliau berkata, rondaan dan pemantauan terus dipertingkatkan bagi mencegah aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.

"Sebarang maklumat berkaitan kejadian kecemasan atau kegiatan jenayah di laut boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Terengganu di talian 09-6223657 atau melalui talian kecemasan MERS 999," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |



*Bot nelayan Vietnam yang ditahan kerana menceroboh dan mencuri hasil laut negara.* (Foto ihsan APMM)

# Nelayan Vietnam ceroboh, curi hasil laut ditahan

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang menceroboh dan mencuri hasil laut negara membabitkan rampasan bernilai RM1.5 juta.

Bot itu ditahan Maritim Malaysia dalam satu operasi penguatkuasaan bersepadu Op Naga Barat dan Op Khas Kuda Laut pada jarak 100 batu nautika timur laut dari Kuala Terengganu, jam 3 petang Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli, berkata pemeriksaan mendapati terdapat 15 kru, termasuk seorang tekong yang berusia antara 20 hingga 50 tahun di dalam bot berkenaan dengan semuanya gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut terhadap bot berkenaan menemui hasil tangkapan yang dianggarkan seberat 700 kilogram, 1,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

"Bot dan semua kru yang ditahan dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Muhammad Suffi berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Beliau berkata, rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan bagi mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Tidak perlu import beras jika tanam padi lima kali



Kulim: Malaysia berkemungkinan tidak lagi perlu mengimport beras sekiranya mampu memperkemaskan infrastruktur dan subsidi dalam industri penanaman padi negara.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, bagi mencapai sasaran itu, Kerajaan Persekutuan perlu berusaha membantu pesawah terutama di Kedah menanam padi lima kali dalam tempoh dua tahun.

Katanya, ia juga sebagai persediaan negara menghadapi krisis kekurangan bekalan makanan dunia yang dijangka berlaku pada 2025 sehingga memberi kesan terhadap peningkatan harga makanan di semua peringkat.

"Saya dimaklumkan kalau padi dapat ditanam lima kali dalam tempoh dua tahun, kita tak perlu import lagi beras. Beras import harganya mahal, jadi kita kena lengkapkan infrastruktur dan Kerajaan Persekutuan perlu sediakan subsidi padi kepada pesawah.

"Sekiranya mahu Kedah jamin bekalan makanan negara, Kerajaan Persekutuan perlu bantu sehingga padi dapat ditanam lima kali dalam tempoh dua tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan mesyuarat agung tahunan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman (KISMEC) , di sini hari ini.

Sementara itu, Muhammad Sansui memaklumkan pembinaan semula Terusan Tengah di Pelubang, Jitra yang runtuh awal bulan lalu, hampir siap.

Katanya, pembaikan semula ban dan terusan membabitkan kos kira-kira RM2.5 juta itu sudah mendapat kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

"Ada kesukaran dalam kerja pemasangan cerucuk besi berikutan ia laluan air, namun pembaikan tetap perlu dilakukan kerana ia akan boleh menyebabkan pengeluaran hasil makanan negara terjejas," katanya yang memberitahu terusan itu penting untuk kawasan tanaman padi seluas 13,350 hektar yang diusahakan 40,000 pesawat.

Ban Terusan Tengah, Pelubang runtuh pada 9 Mei lalu sehingga menyebabkan gangguan bekalan air kepada puluhan ribu penduduk antaranya di Kota Setar, Kubang Pasu dan Pokok Sena, selain menjejaskan musim tanaman padi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN DIGITAL | ONLINE | |

# Segera tangani bekalan ayam, kos sara hidup – DAP



ANTHONY LOKE SIEW FOOK

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memastikan penternak dan seluruh rantaian bekalan ayam tidak kerugian dengan pelaksanaan bantuan subsidi yang mencukupi dan akhirnya mampu menampung kenaikan kos luar biasa.

Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke Siew Fook berkata, walaupun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan peruntukan RM528.52 juta untuk pemberian subsidi RM0.60 sen/sekilogram, namun kadar itu perlu disemak semula selari dengan tekanan kos dedak yang terus tinggi.

Menurut beliau, DAP berpendirian dasar menetapkan harga siling untuk ayam sebagai barang kawalan perlu diteruskan kerana kos sara hidup semakin tinggi yang menjadi tekanan paling besar untuk kebanyakan rakyat.

"Bantuan subsidi perlu dilaksanakan tanpa karenah birokrasi dan disalurkan kepada penternak dengan segera.

"Keputusan kerajaan membatalkan syarat AP untuk mengimport bahan makanan bukan formula "silver bullet" yang akan menyelesaikan masalah kenaikan harga barang makanan dan memastikan bekalan tidak terputus," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Anthony, hal ini kerana setiap negara sedang bergelut dengan masalah keselamatan makanan domestik masing-masing dan negara-negara pengeluar utama akan memberikan tumpuan kepada keperluan mereka sendiri terlebih dahulu.

Tambahan pula katanya, dengan nilai mata wang Ringgit yang lemah, maka import makanan melibatkan harga belian yang lebih tinggi.

"Kerajaan Persekutuan seharusnya bertindak segera dengan melibatkan semua kerajaan negeri untuk menyediakan tapak tanah secara besar-besaran dengan secepat mungkin untuk tujuan penanaman bijirin untuk mengurangkan kebergantungan kepada import," katanya.

Selain itu, kata beliau, kerajaan juga perlu bertindak segera untuk memastikan bekalan ayam di pasaran sentiasa mencukupi dengan menyelesaikan masalah tekanan kos dalam kalangan peternak kerana ayam adalah sumber makanan utama rakyat Malaysia.- UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Ringgit kekal RM4.38 berbanding dolar AS



Ringgit diniagakan bercampur-campur berbanding sekumpulan mata wang utama -NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Nilai ringgit dibuka tidak berubah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pagi ini walaupun mesyuarat Kabinet hari ini akan membincangkan isu-isu berkaitan kos sara hidup dan bekalan makanan, kata seorang penganalisis.

Pada jam 9.00 pagi, mata wang tempatan berada pada paras 4.3870/3915 berbanding dolar AS daripada 4.3870/3910 pada penutup Jumaat.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kerajaan sedang berusaha untuk membincangkan jurang semasa dalam isu bekalan makanan.

"Isu-isu mengenai isu makanan semakin menjadi tumpuan dan kerajaan dijangka mengambil langkah untuk menangani jurang semasa itu," katanya kepada Bernama.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memberi taklimat kepada Jemaah Menteri mengenai isu-isu ini, termasuk rancangan jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah berkenaan.

Sementara itu, rakan kongsi pengurusan SPI Asset Management, Stephen Innes berkata pertukaran asing Asia akan stabil tidak lama lagi berikutan pembukaan semula China daripada sekatan pergerakan yang berpanjangan, pada 1 Jun.

"Sekiranya China boleh membina semula ekonomi yang selamat dan sihat, maka ringgit akan mengukuh dari semasa ke semasa," katanya.

Bagaimanapun, peniaga akan turut memerhati dan mengawasi sentimen risiko global terutamanya apabila kebimbangan terhadap pertumbuhan kian meningkat.

"Justeru, ini boleh mengehadkan keuntungan ringgit memandangkan sensitiviti mata wang terhadap eksport," tambahnya.

Ringgit, bagaimanapun, diniagakan bercampur-campur berbanding sekumpulan mata wang utama.

Nilai ringgit kekal berbanding dolar AS kepada 3.1845/1883 daripada penutupan Jumaat pada 3.1845/1879, lebih rendah berbanding yen Jepun menjadi 3.4354/4392 daripada 3.4236/4270 dan lemah berbanding pound Britain kepada 5.4934/4990 berbanding 5.4732/4782.

Namun begitu, ringgit menambah nilai berbanding euro kepada 4.6414/6462 daripada 4.6445/6488 pada Jumaat.

-BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN DIGITAL | ONLINE | |

# Mansuh AP bakal `bunuh' petani tempatan – Salahuddin



SALAHUDDIN AYUB

JOHOR BAHRU: Langkah memansuhkan keperluan lesen import (AP) terhadap bahan makanan bakal 'membunuh' petani tempatan yang tidak mampu bersaing dengan lambakan barangan import.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ini kerana kerajaan belum ada pendekatan untuk memberikan 'perlindungan' kepada petani supaya mereka dapat bersaing dengan bahan makanan import.

Menurut beliau, kerajaan belum mampu memberi bantuan dan sokongan yang mencukupi kepada petani yang berdepan dengan masalah kenaikan kos baja, racun serangga dan bahan pertanian yang diperlukan.

"Kalau petani kita tak diberikan bantuan subsidi mencukupi sebagaimana yang berlaku di negara maju seperti di Amerika Syarikat, Jepun dan negara Eropah yang lain, mereka sukar untuk berdaya saing.

"Ketika saya menteri dahulu pernah menghadapi isu tanaman fertigasi cili apabila berlakunya lambakan cili import Vietnam, mereka (petani tempatan) tak boleh cari makan. Bayangkan bila banyak sayur lain masuk, petani kita tak mampu untuk bersaing.

"Langkah pemansuhan AP bahan makanan itu bagus tapi negara tidak bersedia lagi. Maka, perlu perancangan yang lebih teliti kerana apabila berlaku lambakan bahan makanan, dikhuatiri petani berdepan masalah jualan setelah harga akan jatuh selain menampung kos operasi," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.

**Keperluan AP**

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pemansuhan keperluan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Pulai itu berkata, pemansuhan AP harus dikawal bagi menjaga kepentingan pengusaha tempatan dalam sektor pertanian dan makanan untuk mampu bersaing dengan barangan import.

Salahuddin berkata, walaupun ia belum dikuatkuasakan, namun sudah terdengar pelbagai rungutan oleh petani mengenai baja dan dedak yang mahal hingga memberi kesan kepada kos operasi mereka.

"Dengan menghapuskan AP, ia tak menjamin akan berjaya mengatasi krisis makanan sekali gus kos bekalan makanan mahal, ini kerana dalam masa sama petani tempatan berdepan risiko gulung tikar sekiranya tak dapat bersaing.

"Pemansuhan AP tanpa ada satu perancangan yang teliti, maka ia akan membinasakan. Perlu diwujudkan jawatankuasa khas di Kabinet yang libat kementerian berkaitan untuk hadapi isu krisis makanan yang akan melanda dalam negara ini," katanya.- UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 7 |

# 121 kompaun dikeluar kepada peniaga ayam

**JOHOR BAHRU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 121 kompaun bernilai RM101,300 sejak 5 Februari lalu ekoran penguatkuasaan Penentuan Harga Maksimum Bagi Ayam dan Telur.

Pengarahnya, Mohd. Hairul Anuar Bohro berkata, dalam tempoh itu pihaknya telah memeriksa 4,487 premis melibatkan 4,321 pemeriksaan di peringkat peruncit dan 166 pemeriksaan terhadap pemborong dan pengeluar.

Katanya, pemeriksaan dan tinjauan stok bekalan ayam juga turut dibuat di setiap peringkat rantaian pengedaran bagi memastikan tiada isu terputus bekalan ayam.

"Sehingga hari ini (semalam), semua 33 aduan orang ramai yang diterima berkaitan kenaikan harga serta bekalan ayam telah selesai disiasat dan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Antara kesalahan dilakukan ialah gagal pamer harga jualan dan menjual melebihi harga kawalan ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, KPDNHEP Johor ambil maklum isu serta aduan berkaitan kedudukan bekalan serta kenaikan harga ayam terutamanya di lokasi tumpuan iaitu di pasar awam dan pasar basah sejak akhir-akhir ini.

"Seramai 200 penguat kuasa sentiasa memantau dan memeriksa agar bekalan barangan keperluan harian adalah mencukupi," jelasnya.



MOHD. HAIRUL melakukan tinjauan di sebuah premis di Johor Bahru semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

# Semoga ayam tidak hilang lagi

**PELBAGAI** barang keperluan dilaporkan naik sejak akhir ini, baik barang basah atau siap masak semua mengalami nasib sama.

Kesan daripada situasi ini, paling ketara ayam semakin hilang di pasaran yang mana pengusaha melaporkan ada peniaga terpaksa menutup gerai jualannya kerana kesukaran mendapatkan bekalan ayam segar.

Malahan, beberapa restoran makan segera juga dilaporkan tidak dapat menjual set berasaskan ayam.

Ayam menjadi rebutan, pasar raya juga telah menghadkan pembeliannya, seperti minyak masak subsidi.

Kaedah ini juga akan membuatkan lebih ramai tidak berpeluang makan nasi berlauk ayam.

Cadangan mengurangkan makan atau kebergantungan kepada ayam mungkin membuahkan hasil bagi mengembalikan stok makanan harian rakyat Malaysia ini.

Dulu mungkin ayam makanan untuk mereka yang berkemampuan, hidangan orang T20 dan M40 tetapi kini adalah pilihan kepada semua rakyat Malaysia waima B40, cuma mungkin kekerapannya berkurang mengikut kemampuan sesebuah keluarga, tetapi ia bukan lagi kemampuan orang atasan.

Mungkin boleh cuba dulu, bukan tidak pernah ketika krisis ekonomi pada 1998 dan 1999, rakyat Malaysia mula berkebun di laman-laman rumah, ada juga yang menternak ayam sendiri.

Ia sedikit sebanyak membantu usaha kerajaan mengurangkan permintaan, sekali gus akan menurunkan harga apabila permintaan berkurang kerana semua boleh petik di belakang rumah.

Dalam sedang berjaga-jaga ini, ada laporan mengatakan krisis makanan akan lebih meruncing apabila barangan keperluan dijangka meningkat sehingga 60 peratus, bagaimanapun dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ia adalah ekoran fenomena dunia termasuklah peperangan Rusia dan Ukraine.

Tetapi rakyat diharap jangan terlalu cepat menggelabah sehingga melakukan pembelian panik.

Lesen import (AP) makanan dilaporkan telah dihapuskan, semua boleh bawa masuk makanan untuk pasaran tempatan termasuk ayam.

Semoga ayam tidak hilang lagi!

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |


# Harga makanan terus naik

## Inflasi diunjur kekal bawah tiga peratus

**Kuala Lumpur:** Inflasi makanan Malaysia dijangka kekal dalam aliran meningkat pada bulan akan datang berikutan kenaikan harga komoditi global, gangguan rantaian bekalan domestik serta penyusutan ringgit.

MIDF Amanah Investment Bank Bhd menerusi cabang penyelidikannya, MIDF Research berkata, sebagai negara pengimport bersih makanan, Malaysia amat terdedah kepada sebarang kejutan global yang berkaitan dengan rantaian bekalan.

"Inflasi makanan global kekal tinggi, terutama harga jagung, bijirin dan sayuran.

"Bagaimanapun, kami berpendapat tekanan inflasi secara keseluruhannya akan kekal stabil berikutan inflasi bahan api yang berada dalam aliran penurunan," katanya dalam satu nota ekonomi.

Menurut bank pelaburan itu, penyusutan inflasi bahan api akan menampung kenaikan inflasi makanan dengan mengandaikan kerajaan mengekalkan had harga semasa minyak RON95 dan diesel.

"Dalam laporan *Oil Exports Rebound & Inflation Concerns,'* kami sudah mengunjurkan bahawa inflasi keseluruhan Malaysia akan kekal di bawah tiga peratus, biarpun sekiranya purata inflasi makanan pada lima peratus, manakala harga bahan api semasa pada paras sedia ada.

"Namun, jika purata inflasi makanan melonjak kepada 10 peratus, purata inflasi keseluruhan akan berada pada 4.6 peratus," katanya.

Katanya, dalam senario buruk, purata inflasi keseluruhan diunjurkan pada 8.9 peratus sekiranya kerajaan memilih untuk mengapungkan harga bahan api, manakala purata inflasi makanan pada 10 peratus. BERNAMA



*Inflasi makanan global kekal tinggi, terutama harga jagung, bijirin dan sayur-sayuran* (Foto hiasan)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | BISNES | 20 |




INFLASI makanan Malaysia dijangka kekal dalam aliran meningkat pada bulan mendatang berikutan kenaikan harga komoditi global.

# SEDIA HADAPI INFLASI MAKANAN

## 'Malaysia terdedah kepada sebarang kejutan global berkaitan dengan rantaian bekalan'

**Kuala Lumpur**

Inflasi makanan Malaysia dijangka kekal dalam aliran meningkat pada bulan-bulan akan datang berikutan kenaikan harga komoditi global, gangguan rantaian bekalan domestik serta penyusutan ringgit.

MIDF Amanah Investment Bank Bhd menerusi cabang penyelidikannya, MIDF Research berkata, sebagai negara pengimport bersih makanan, Malaysia amat terdedah kepada sebarang kejutan global yang berkaitan dengan rantaian bekalan.

"Inflasi makanan global kekal tinggi terutama harga jagung, bijirin dan sayur-sayuran.

"Kami berpendapat tekanan inflasi secara keseluruhannya akan kekal stabil berikutan inflasi bahan api yang berada dalam aliran penurunan," katanya dalam satu nota ekonomi.

Menurut bank pelaburan itu, penyusutan inflasi bahan api akan menampung kenaikan inflasi makanan dengan mengandaikan kerajaan mengekalkan had harga semasa minyak RON95 dan diesel.

"Dalam laporan *Oil Exports Rebound & Inflation Concerns*, kami mengunjurkan inflasi keseluruhan Malaysia akan kekal di bawah tiga peratus biarpun sekiranya purata inflasi makanan pada lima peratus manakala harga bahan api semasa pada paras sedia ada.

"Namun, jika purata inflasi makanan melonjak kepada 10 peratus, purata inflasi keseluruhan akan berada pada 4.6 peratus," katanya.

Menurutnya, dalam senario buruk, purata inflasi keseluruhan diunjurkan pada 8.9 peratus sekiranya kerajaan memilih untuk mengapungkan harga bahan api, manakala purata inflasi makanan pada 10 peratus.

> *Inflasi makanan global kekal tinggi terutama harga jagung, bijirin dan sayur-sayuran"*
>
> **MIDF Research**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



KEKURANGAN ayam menyebabkan pembeli perlu beratur sehingga 30 minit untuk mendapatkan bekalan itu di Pasar Besar Kuantan, Kuantan, Pahang. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD. WAHAB

# Beratur 30 minit demi seekor ayam

Oleh DIANA SURYA ABD. WAHAB
utusannews@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Demi mendapatkan seekor ayam, pelanggan perlu beratur sehingga lebih 30 minit.

Itu terpaksa dilalui pelanggan di Pasar Besar Kuantan di sini, berikutan masalah kekurangan bekalan ayam segar yang meruncing di pasaran ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Razanah Abu Osman, 53, berkata, mahu tidak mahu, dia terpaksa beratur kerana memerlukan ayam mentah untuk kegunaan harian sedangkan ramai mahu membelinya.

"Malah, jika harga melambung tinggi pun pembelian ayam tetap diteruskan. Walaupun susah mendapatkannya kita terpaksa berdepan masalah ini.

"Cuma diharap pihak kerajaan membuat tindakan sewajarnya dalam menyelesaikannya supaya tidak berlarutan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Kuantan semalam mendapati, rata-rata peniaga ayam mengalami kesukaran bukan sahaja untuk penjualan kepada pembeli harian malah lebih tertekan berdepan peniaga makanan.

Peniaga ayam, Azizah Omar, 34, berkata, sejak kelmarin dia berdepan masalah kekurangan ayam dan terpaksa membuat catuan bagi membolehkan semua pelanggannya mendapatkan bekalan.

"Kebiasaannya pada hari minggu, pengguna ramai datang ke pasar membeli ayam dan saya boleh jual sehingga 200 ekor, namun kali ini agak sedih kerana terpaksa menutup kedai.

"Memandangkan bekalan ayam yang kita dapat kurang daripada jumlahnya, saya hanya menyediakan bekalan ayam kepada peniaga kedai makanan yang sudah membuat tempatan awal di belakang pasar ini.

"Saya terpaksa mencatu 180 ekor ayam yang ada kepada beberapa peniaga kedai makan. Mana yang memerlukan 16 ekor dikurangkan kepada enam ekor manakala pembeli 50 ekor, kita boleh bagi antara 10 ke 15 ekor sahaja," katanya.

Seorang lagi peniaga ayam segar, Mohamad Abdullah, 43, berkata, kekurangan bekalan ayam kerap berlaku namun kali ini dilihat lebih serius.

"Lazimnya apabila berlaku perkara seperti ini, saya mengambil tempahan segera bagi mendapatkan kuantiti yang betul-betul diperlukan.

"Kalau boleh saya nak jual kepada semua pembeli namun dalam keadaan ini lebih memberi keutamaan kepada sekolah, pusat asuhan, tadika dan kedai-kedai makan kerana penggunaan ayam lebih penting dalam urusan mereka," katanya.

Pengusaha kedai makan, Hafiz Mohd. Anas, 37, ketika ditemui pula berkata, catuan yang dibuat peniaga ayam memberi kesan kepada operasi perniagaannya.

# Peniaga kedai makan simpan stok ayam hadapi krisis

**SHAH ALAM:** Peniaga-peniaga kedai makanan di sekitar bandar raya ini mengambil inisiatif menyimpan lebih banyak bekalan ayam sebagai langkah persediaan menangani masalah kekurangan bahan makanan itu, akhir-akhir ini.

Pemilik sebuah gerai nasi ayam di Seksyen 6, Abdul Aziz Imran berkata, dia diberitahu pembekalnya mengenai bekalan ayam yang semakin tidak menentu untuk beberapa hari.

"Mendengar perkara itu, saya sudah simpan beberapa ekor ayam. Pembekal ada hantar beberapa ekor ayam, tapi jumlahnya tidak banyak," katanya ketika ditemui di gerainya di Seksyen 6, di sini, semalam.

Jelasnya, dia menyedari krisis bekalan ayam yang dikatakan berlaku bermula semalam, namun yakin simpanan bekalannya mencukupi bagi memastikan perniagaan dapat terus beroperasi.

Menurut Abdul Aziz, dia yakin dengan bekalannya apabila jumlah pelanggan tidak ramai pada hujung minggu ketika bulan Syawal, disebabkan mereka menghadiri majlis rumah terbuka pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

"Paling banyak saya masak 60 ekor ayam untuk juadah nasi ayam. Tetapi saya tidak masak 60 ekor ayam itu sekali gus. Sekiranya pelanggan ramai, saya masak sebagai langkah persediaan," ujarnya.

Hal sama turut dilakukan oleh seorang peniaga nasi ayam, Jasmah Abdul Hadi yang menyimpan stok ayam sebagai persediaan awal selepas pembekalnya memaklumkan kekurangan bekalan sejak Khamis lalu.

"Saya yakin stok yang disimpan cukup sehingga semalam. Apapun, harap ada jalan penyelesaian di antara kerajaan dengan pembekal ayam berhubung isu ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



ISU BEKALAN AYAM

# KENAIKAN HARGA MAKANAN SEHINGGA RM1

MS2,3&4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 2 |

# Pemain industri usah 'main' harga tambah beban rakyat

**Kuala Terengganu:** Para pemain industri ternakan ayam di negara ini diingatkan supaya tidak meneruskan 'percaturan dan permainan' harga melalui pengurangan bekalan ayam di pasaran dengan pelbagai alasan kerana tindakan itu sangat membebankan rakyat ketika ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, masalah kekurangan bekalan ayam di pasaran ketika ini tidak sepatutnya berlaku kerana pada asasnya, bekalan untuk pasaran tempatan adalah sangat mencukupi.

"Bila dikatakan berlaku bekalan ayam tidak mencukupi, ini bermaksud ada benda-benda tak betul yang wujud...

"Tidak dinafikan memang ada penyakit ayam dan beratnya tidak sesuai untuk dijual, namun situasi itu sentiasa berlaku sepanjang masa," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Di samping itu, menurut beliau, pihaknya juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk meneliti mengapa perkara itu berlaku dan berharap pemain dalam industri ayam di negara ini dapat bersama-sama kerajaan membantu rakyat.

"Katakan contoh sebelum ini untung untuk seekor ayam ialah RM2, apa salahnya dalam situasi sukar ini mereka ambil untung RM1 namun konsisten untuk ternak ayam secara berpanjangan dan jangan ada percaturan harga," katanya.



BEKALAN ayam mentah sukar diperoleh menyebabkan rata-rata peniaga menjual ayam pada harga sekitar RM11 hingga RM13 sekilogram ketika tinjauan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu.



KEBANYAKAN peniaga hanya mendapat kurang separuh tempahan ayam dari pembekal di Pasar Awam Larkin.

KEKURANGAN BEKALAN AYAM

# Guna 'kabel' buat tempahan

***Segelintir kakitangan pasar raya jual ayam kepada pelanggan tanpa pengetahuan majikan***

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Sejak isu kekurangan bekalan ayam daging segar berlaku di negara ini, terdapat segelintir kakitangan pasar raya yang dikesan mengambil tempahan daripada pelanggan tanpa pengetahuan majikan.

Difahamkan ia cara mudah dilakukan pelanggan terutama membabitkan pengusaha premis makanan dengan menggunakan 'orang dalam' bagi mendapatkan bekalan ayam tanpa perlu berbaris panjang pada awal pagi.

Seorang pekerja pasar raya yang enggan dikenali berkata, kakitangan terbabit mendapat 'duit tepi' daripada pelanggan berkenaan selain ada juga kakitangan pasar raya melakukannya secara percuma atas dasar setia kawan.

Menurutnya, perbuatan itu dirasakan tidak adil kepada pembeli lain yang terpaksa berbaris pada awal pagi bagi mendapatkan ayam.

"Apa yang membuatkan saya tidak berpuas hati adalah kakitangan ini menyimpan ayam berkenaan untuk dikhaskan kepada pelanggan 'istimewa' sedangkan itu bukan polisi pasar raya.

"Orang lain terpaksa beratur panjang untuk membeli ayam, namun pelanggan ini boleh datang pada waktu tengah hari dan ada ayam yang sudah tersedia untuknya. Ada pelanggan yang datang lebih lambat berjaya membeli ayam 'sorok'," katanya.

Menurutnya, keadaan ini mencetuskan ketegangan antara pelanggan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri S. Veerapan berkata, pemantauan pihaknya mendapati bekalan ayam yang sampai tidak memenuhi permintaan peniaga.

Katanya, pembekal ayam standard di pasar raya sekitar negeri ini dikesan hanya mampu membekalkan 20 peratus daripada kebiasaan bekalan dihantar.

"Terdapat pasar raya yang langsung tidak mempunyai stok bekalan ayam standard iaitu satu dikesan di Kuala Pilah dan dua pasar raya di Seremban.

"Manakala pasar basah atau awam pula, Pasar Awam Kuala Klawang dikesan tidak mempunyai bekalan ayam," katanya semalam.

## Bekalan bahan makanan mencukupi

**Kulai:** Meskipun timbul rungutan dan aduan berhubung bekalan makanan di pasaran negeri ini terutamanya ayam berkurangan, bekalan bahan makanan itu dilaporkan masih di tahap mencukupi dan terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han berkata, tidak dinafikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri menerima aduan berhubung kekurangan bekalan makanan terutamanya di kawasan luar bandar memandangkan permintaan tinggi sepanjang musim perayaan.

Katanya, sehubungan itu pemantauan secara harian dilakukan kira-kira 200 pegawai dan anggota KPDNHEP di seluruh negeri untuk memastikan isu kekurangan bekalan tidak berlanjutan.

"Setakat ini, KPDNHEP masih membuat pemantauan dengan 200 pemeriksa ditugaskan secara harian dan setakat ini bekalan di pasaran dikira mencukupi.

"Kita ada terima aduan di sesetengah tempat terutamanya di kawasan luar bandar menghadapi sedikit masalah dari segi bekalan sebab permintaan berkali ganda sempena musim perayaan," katanya ketika sidang media, semalam.

> *Bagi pihak kerajaan negeri kita memang ada program untuk menambah bekalan di negeri Johor"*
>
> *Ting Han*

Ting Han berkata, tindakan kerajaan negeri akan dibuat bergantung kepada keputusan mesyuarat khas Kabinet yang membincangkan penyelesaian jangka masa pendek kepada pemasalahan kekurangan keperluan bekalan makanan.

Di samping itu, menurutnya, di peringkat kerajaan negeri, kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan dilakukan sebagai jalan penyelesaian jangka masa panjang selain meneruskan pelbagai program jaminan makanan dalam usaha menambah bekalan makanan di negeri ini.

"Bagi pihak kerajaan negeri kita memang ada program untuk menambah bekalan di negeri Johor.

"Kerajaan akan membantu dari segi insentif, polisi untuk petani dan peladang supaya kita dapat meningkatkan bekalan sebagai satu penyelesaian jangka masa panjang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 3 |

# Dakwa ada ternakan sakit di ladang

**Shah Alam:** Permintaan tinggi terhadap bekalan ayam ketika musim perayaan yang berlaku serentak dengan peningkatan harga makanan bahan mentah antara punca bekalan sumber protein itu terjejas di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Izham Hashim berkata, selain daripada dua punca itu, beliau difahamkan jangkitan penyakit ayam yang berlaku di peringkat ladang juga menjadi penyumbang kepada pengurangan bekalan itu namun pihaknya belum menerima laporan rasmi berhubung perkara itu.

"Susulan itu satu mesyuarat khas membabitkan jabatan dan agensi terlibat di bawah Jawatankuasa Pemodenan Pertanian dan Industri Asas negeri akan dijalankan. Dijangka kami akan dapat hasil mesyuarat itu kelak," katanya.

Izham berkata, pihaknya juga sudah meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) negeri untuk menghubungi semua pembekal dan penternak ayam di Selangor untuk memeriksa status terkini bahan.

Sementara itu Izham berkata pihaknya juga sedang menyiasat sama ada Selangor sedang menghadapi masalah bekalan ayam import dari Thailand dan China yang kebergantungan sekitar 60 peratus.

"Bekalan ayam di Selangor sebelum ini memang tidak mencukupi, memang kami import. Hanya 35 hingga 40 peratus ayam tempatan yang selebihnya memang import," katanya.



SEORANG peniaga menyiapkan ayam yang dipesan oleh restoran di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

KEKURANGAN BEKALAN AYAM

# Harga makanan naik RM1

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Rata-rata pengusaha restoran terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan ayam berikutan menerima bekalan ternakan itu dengan harga tinggi.

Peniaga turut memutuskan kenaikan harga makanan antara 50 sen hingga RM1 untuk setiap menu berasaskan ayam.

Bagi pemilik restoran di Puncak Jalil, Selangor ini yang mahu dikenali sebagai Aiman, 39, setakat ini dia menerima bekalan dari kilang penyembelihan ayam di Puchong.

"Jika saya ambil dari pembekal, bekalan sangat terhad dan tidak boleh membekalkan 80 ayam sehari untuk kedai.

"Nasib baik saya dapat bekalan dari kilang penyembelihan ini walaupun harga RM9.30 sekilogram," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, dia tiada pilihan selain menaikkan harga makanan untuk menampung kehidupan.

"Jika dahulu nasi ayam dijual dengan harga RM7.50 sebungkus, saya terpaksa menaikkan harga kepada RM8 sekarang.

*Ini disebabkan jumlah ayam yang kami dapat daripada pembekal hanya 50 ekor sahaja berbanding sebelum ini lebih 200 ayam sehari"*

*Mastura*

"Begitu juga dengan menu lain yang menggunakan ayam, nasib baik rata-rata pelanggan faham dengan tindakan ini," katanya.

Pengusaha restoran di Bandar Tasik Permaisuri, Cheras, Mastura Jamil, 40, berkata, disebabkan masalah bekalan ayam yang terhad, dia juga terpaksa mengurangkan kuantiti jualan sejak beberapa hari lalu.

Katanya, jika sebelum ini, dia dapat menjual nasi ayam sebanyak 1,000 bungkus sehari, namun sejak beberapa hari lalu hanya dapat menjual kira-kira 500 bungkus sahaja.

"Ini disebabkan jumlah ayam yang kami dapat daripada pembekal hanya 50 ekor sahaja berbanding sebelum ini lebih 200 ayam sehari.
